



Cemar institusi raja dan Islam

# Rahim fitnah Raja Muda

**SHAH ALAM** - Kenyataan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik terhadap Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah dilihat berbau fitnah dan mencemar institusi raja selain mencalar imej Islam.

Pada 25 September lalu, Abdul Rahim melalui laman *facebooknya* mendakwa Tengku Amir Shah menukar agama kepada Katolik hingga mencetuskan rasa tidak puas hati pelbagai pihak dan beliau kemudiannya menarik balik kenyataan itu.

Beliau kemudian didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, pada 5 Oktober lalu atas dakwaan berhubung kes itu mengikut Akta Hasutan 1948 namun mengaku tidak bersalah.

**BERITA LANJUT  
DI MUKA SURAT 2**



Gambar ihsan Berita Harian

## Sengaja dan berniat jahat

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Dewan Diraja Selangor menafikan Raja Muda, Tengku Amir Shah keluar daripada Islam seperti didakwa bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais, berkata dakwaan bahawa DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah akan bertemu Pope Francis di Vatican City juga adalah fitnah.

Katanya, kenyataan itu nyata berbau hasutan dengan unsur fitnah yang

boleh membangkitkan kebencian dan kemarahan umat Islam.

"Perbuatan ini dirasakan sengaja dilakukan beliau dengan niat jahat bagi mencemar dan mempersoalkan akidah Raja Muda sebagai seorang Islam dan secara langsung menyatakan baginda menukar agama.

"Akibatnya, banyak respon dan komen orang ramai terutama umat Islam yang menunjukkan kemarahan, kebencian juga cacian terhadap Raja Muda serta Sultan Selangor," katanya dalam kenyataan media, pada 30 September lalu.

Dewan Diraja Selangor turut melahirkan kekesalan apabila Abdul Rahim tidak menyemak kesahihan maklumat diterima kerana perkara itu mudah dilakukan jika beliau bertanggungjawab.

Sehubungan itu, Hanafisah berkata Dewan Diraja Selangor menyeru Abdul Rahim menghentikan serta-merta segala fitnah dan pembbohongan itu.

"Pada masa sama, ingin dimaklumkan Raja Muda Selangor kini sedang menjalani latihan pegawai kadet di Akademi Tentera DiRaja Sandhurst, United Kingdom. Sekembalinya ke negara, baginda akan ditauliahkan di dalam perkhidma-

tan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," katanya.

Abdul Rahim sebelum ini dilaporkan memuat naik status di laman sosial miliknya mendakwa Tengku Amir Shah sudah menukar agama.

Pada 30 September lalu, Dewan Diraja Selangor menafikan sekeras-kerasnya dakwaan Raja Muda Selangor menukar agama.

Namun, sehari sebelum itu, (29 September) Abdul Rahim dilaporkan mengeluarkan permohonan maaf secara terbuka kepada Tengku Amir Shah melalui laman Facebook dan Twitter miliknya.

## Abdul Rahim mengaku tak bersalah

**SHAH ALAM** - Bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam mengikut Akta Hasutan 1948 berhubung kes fitnah Raja Muda Selangor, pada 5 Oktober lalu.

Abdul Rahim juga dibenarkan ikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin, lapor theSun-daily.

Pada 25 September lalu, Abdul Rahim melalui laman facebooknya mendakwa Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah menukar agama kepada Katolik hingga mencetuskan rasa tidak puas hati pelbagai pihak dan kemudiannya menarik balik kenyataan terbabit.

Susulan daripada kenyataan itu, Dewan Diraja Selangor menafikan dakwaan berkenaan dan melahirkan kekesalan serta menyelar tindakan terbabit sebagai fitnah, hasutan serta berniat jahat.

## Pastikan maklumat sahih

# Penyebar fitnah perlu bertanggungjawab

OLEH SYASYA SUFIAN

**SUBANG** - Pengguna media sosial perlu berhati-hati dan bertanggungjawab dengan setiap yang disebarkan kerana boleh mengundang fitnah ke atas individu yang tidak bersalah.

Speaker Dewan Negeri Selangor, Hannah Yeoh, berkata pembaca juga perlu memastikan kesahihan maklumat yang diterima dan tidak terus menghukum serta membuat andaian sendiri.

"Pengguna facebook atau blogger perlu semak terlebih dahulu dan mendapatkan bukti kukuh sebelum menulis atau menyebarkan sesuatu maklumat kepada orang ramai.

"Setiap perkara yang dilaporkan dan dikongsi di laman sosial memberi impak besar, bahkan boleh menjejaskan reputasi pihak yang terbabit," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 3 Oktober lalu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Thamby Chik yang mendakwa Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah menukar agama hingga mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan umat Islam, pada 25 September lalu.

"Media sosial seharusnya dijadikan landasan untuk berkongsi maklumat positif dan bermanfaat kepada masyarakat," kata Hannah.

“

**Pengguna facebook atau blogger perlu semak terlebih dahulu dan mendapatkan bukti kukuh sebelum menulis atau menyebarkan sesuatu maklumat kepada orang ramai**

**HANNAH YEOH**  
Speaker Dewan Negeri Selangor



### TINJAUAN ORANG RAMAI

## ISU FITNAH RAJA MUDA

**Seorang pemimpin seharusnya sentiasa berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan, terutama membabitkan isu agama.**

“Pemimpin yang bertanggungjawab juga perlu menyemak kesahihan sesuatu maklumat sebelum dikongsi kepada orang awam. Pemimpin mesti bertanggungjawab, jangan suka cakap ikut sedap mulut kerana setiap apa yang dikatakan mudah sampai kepada masyarakat di bawah



**Guljit Kaur, 50,**  
Suri rumah



“Walaupun sudah mengeluarkan kenyataan memohon maaf, namun tindakan Abdul Rahim itu sudah terlambat. Kerosakan sudah berlaku, imej Raja Muda Selangor juga tercemar. Nasi sudah jadi bubur

**Syed Muhammd Aiman, 22,**  
Pelajar

“Orang ramai jangan mudah menerima bulat-bulat maklumat yang dikongsi di laman sosial. Kita perlu bijak menapis maklumat yang diterima, bahkan tidak sukar memperoleh informasi melalui sumber lebih dipercayai dengan kemajuan teknologi maklumat



**Intan Nursyuhada Mohamad Naseri, 30,**  
Kakitangan awam

## Siasat segera kes fitnah Raja Muda

**SHAH ALAM** - Pemuda Parti Amanah Negara (PAN) Selangor membuat laporan polis terhadap bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berhubung dakwaan melampau beliau ke atas Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Ketuanya, Abbas Salimmi Datuk Adzmi, berkata laporan dibuat ke atas laman Facebook yang menggunakan nama Rahim Thamby Chik supaya kes itu disiasat di bawah Akta Fitnah 1957.

"Sebagai rakyat jelata yang menghormati dan kasihkan institusi diraja, kami melahirkan

kekesalan di atas kenyataan itu terutama ia membabitkan isu akidah.

"Raja Muda Selangor adalah pewaris takhta kesultanan dan Sultan Selangor adalah ketua agama Islam negeri," katanya di hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam, pada 2 Oktober lalu.

Beliau hadir jam 10 pagi ditemani Pengerusi Pro Guam Amanah, Zainal Said dan beberapa ahli Pemuda PAN Selangor.

Terdahulu, Abdul Rahim sudah membuat kenyataan permohonan maaf, namun masih tidak menarik kembali dakwaan itu.

“

**Sebagai rakyat jelata yang menghormati dan kasihkan institusi diraja, kami melahirkan kekesalan di atas kenyataan itu terutama ia membabitkan isu akidah**

**ABBAS SALIMMI**  
Ketua Pemuda Parti Amanah Negara (PAN)

## Jangan semberono tuduh keluar Islam

**SHAH ALAM** - Menuduh seseorang keluar agama tanpa bukti kukuh antara perbuatan yang dipandang keras sisi Islam, kata Adun Sabak, Sallehen Mukhyi.

Beliau berkata, tuduhan seumpama itu juga boleh jatuh kepada diri individu yang menuduh kerana isu agama adalah perkara dasar dalam kehidupan dan tidak boleh dipermainkan secara semberono.

"Jangan buat kenyataan yang

boleh mencetuskan kerusingan rakyat terutama membabitkan Raja Muda Selangor iaitu orang kedua menjaga agama di negeri ini.

"Sebagai Adun dan seorang Islam, saya kesal atas kenyataan yang dilihat sebagai tidak bertanggungjawab dan berkredibiliti," kata kepada Selangor Kini, pada 2 Oktober lalu.

Sementara itu, Adun Seri Serdang, Noor Hanim Ismail, berkata

tindakan sewajarnya perlu diambil pihak berkuasa mengikut lunas undang-undang berhubung kenyataan Abdul Rahim.

"Negara ada undang-undang sama ada sivil atau syariah, jadi segala tindakan juga perlu berasaskan perkara berkenaan.

"Seharusnya, perkara membabitkan isu sensitif seperti agama tidak perlu diviralkan sehingga boleh mencetus fitnah," katanya.



# DYMM Sultan Selangor rasmi menara Top Glove

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan bangunan pejabat korporat Top Glove di Setia Alam, dekat sini, pada 1 Oktober lalu.

Menara setinggi 23 tingkat itu adalah bangunan pejabat serta komersial Gred A yang menempati Indeks Bangunan Hijau (IBH) bertaraf Emas dan terletak di atas tapak seluas dua ekar.

Direka untuk mengoptimalkan kecekapan tenaga, ia turut memiliki ciri rekaan hijau lain seperti tingkap kaca yang menghadkan penembusan cahaya dan penebatan haba, serta panel fotovolta bagi memanfaatkan kuasa solar.

Hadir sama, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Pengerusi Top Glove, Tan Sri Lim Wee Chai dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Malaysia, Datuk Seri Douglas Uggah Embas.

Sementara itu, Wee Chai berkata menara itu menjadi kebanggaan mereka sebagai syarikat pengeluar sarung tangan terbesar dunia.

Katanya, syarikat itu juga berhasrat membina lebih banyak kilang dan mesin berteknologi tinggi pada masa akan datang untuk mengembangkan perniagaan sarung tangan di seluruh dunia.

"Matlamat kami adalah mewujudkan pusat pejabat korporat bagi menempatkan kakitangan pengurusan ke arah meningkatkan kualiti, komunikasi dan kecekapan operasi.

"Kami juga komited melonjakkan Shah Alam ke tahap lebih tinggi dan bertindak sebagai pelengkap kepada pembangunan bandar baru Setia Alam," katanya.



## Bincang sebelum muktamad

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali meminta semua pihak termasuk Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pemaju supaya mengadakan perbincangan dengan penduduk dalam pelaksanaan projek Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH) sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

"Kita sudah bertemu dengan wakil penduduk, Ahli Parlimen,



Adun dan beberapa pertubuhan. Sebahagiannya dipersetujui kerana pada prinsipnya semua perlukan lebuhraya.

"Namun, terdapat jajaran dibantah penduduk kerana melau

lui kawasan perumahan. Jadi semua pihak perlu mengadakan perbincangan bersama penduduk bagi melihat langkah alternatif yang perlu diambil," katanya di sini, pada 5 Oktober lalu.

DASH adalah lebuhraya bertingkat enam lorong dengan 12 persimpangan yang merentasi deretan rumah dan kedai di kawasan kejiranan, menghubungkan pengguna Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan Sprint.

## Ambil alih industri air sepenuhnya 15 Oktober

**PELABUHAN KLANG** - Urusan penuh pengambilalihan pengurusan air akan dijalankan selepas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diberi taklimat terakhir dan secara rasminya akan berlaku, pada 15 Oktober ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri juga akan menumpukan beberapa isu teknikal bagi memastikan bekalan air bersih seluruh Selangor mencukupi untuk keperluan pengguna dan pelabur di negeri itu.

"Saya dah beri jaminan kepada pelabur bahawa ini adalah keutamaan apabila Kerajaan Negeri ambil alih Puncak Niaga dan Syabas. Kita akan memastikan bekalan air terawat mencukupi terutama apabila projek Mitigasi 2 siap," katanya, di sini, pada 4 Oktober lalu.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri akan terus memberikan kerjasama padu bagi memastikan Projek Langat 2 dapat disiapkan mengikut jadual dan akan mengumumkan satu rancangan dalam

“

**Saya dah beri jaminan kepada pelabur bahawa ini adalah keutamaan apabila Kerajaan Negeri ambil alih Puncak Niaga dan Syabas**

**MOHAMED AZMIN**

Belanjawan 2016 bagi memastikan bekalan air terawat di Selangor mencukupi.

## Tiada rampasan kuasa, tuduhan berniat jahat

**SHAH ALAM** - Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali menyifatkan tuduhan bakal berlakunya 'rampasan kuasa' terhadap presiden parti itu, Datuk Seri Wan Azizah Ismail sebagai berniat jahat.

Katanya, tuduhan jahat dan fitnah itu dikeluarkan oleh individu yang sudah 'mufflis' idea.

"Saya tiada komen untuk itu. Tuduhan berkenaan berniat jahat dan fitnah dikeluarkan oleh individu 'bankrap'," katanya selepas merasmikan Pusat Kreatif Digital Selangor (SDCC), di I-City, pada 5

Oktober lalu.

Beliau berkata, perkara itu masalah dalaman parti dan tidak seharusnya dibincangkan secara terbuka melalui media dan menafikan berlakunya perpecahan dalam PKR susulan penubuhan Pakatan Harapan.

"Apa masalahnya? Itu masalah dalaman parti dan kita tak bincang masalah secara terbuka. Kita berbincang dengan semua pihak, parti politik atau badan yang mahu jatuhkan Umno," katanya.

## Saifuddin ditekan, 'pelempang Cina' beruntung

**SHAH ALAM** - Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Tajuddin Abdul Rahman beruntung kerana tidak menerima tekanan dalaman walaupun mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman.

Umno bukan sahaja tidak menekan atau mengambil tindakan disiplin terhadap Tajuddin, bahkan beliau juga langsung tidak ditegur pemimpin tertinggi parti selepas mengeluarkan kenyataan mahu 'melempang Cina'.

Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua, berkata nasib berbeza dialami bekas Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah yang ditekan supaya keluar dari Umno kerana mengkritik parti itu.

"Umno tidak lagi boleh bertoleransi dengan hujah rasional dan kritikan. Mereka menanam budaya pak turut dan sesiapa yang mengeluarkan kenyataan agak rasional akan ditekan," katanya.

Penawar ringgit

# Cari orang lain jadi menteri kewangan

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Tiada cara lain untuk memulihkan kembali nilai ringgit yang semakin menjunam selain daripada Datuk Seri Najib Razak meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen, berkata kelumpuhan ringgit disebabkan ketidakstabilan politik, maka penawarnya juga adalah jalan politik.

Katanya, jalan terbaik juga adalah menyerahkan jawatan itu kepada pemimpin lebih berkepercayaan dan berkaliber.

"Nilai ringgit yang teruk bukan disebabkan unsur ekonomi tetapi hal politik. Jika Najib letak jawatan, maka ringgit akan pulih.

"Lagi satu adalah memastikan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diselesaikan se-

cepat mungkin dengan mereka yang bersalah dihukum mengikut undang-undang. Melaluinya, ekonomi negara akan pulih dan dapat mengembalikan keyakinan pelabur," katanya kepada Selangor Kini, pada 30 September lalu.

Beliau diminta mengulas laporan agensi berita Bloomberg berhubung jangkaan pelabur bahawa Malaysia antara enam negara layak diturunkan kepada status sampah (junk status) sama seperti Brazil.

Terdahulu, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz turut mendesak Kerajaan Persekutuan bertindak menangani persepsi buruk diterima Malaysia itu.

Wong Chen berkata, keadaan akan bertambah buruk dalam jangka masa tiga bulan akan datang jika Najib masih berdegil.



**Satu adalah memastikan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diselesaikan secepat mungkin dengan mereka yang bersalah dihukum mengikut undang-undang. Melaluinya, ekonomi negara akan pulih dan dapat mengembalikan keyakinan pelabur**

**WONG CHEN**  
Ahli Parlimen Kelana Jaya

## Tetapkan KPI capaian jalur lebar syarikat telekomunikasi



**SKMM perlu serius memastikan setiap syarikat ada KPI khusus untuk mereka capai dan perlu mengikut kadar capaian yang ditetapkan**

**MOHD YUSOF**  
Timbalan Presiden FOMCA

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu menetapkan indeks pencapaian prestasi (KPI) kepada semua syarikat telekomunikasi jalur lebar supaya pengguna menikmati perkhidmatan setimpal dengan harga bayaran.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata pengguna masih belum menikmati perkhidmatan setimpal, bahkan ia hanya mewujudkan persaingan penawaran harga walaupun kewujudan syarikat telekomunikasi semakin bertambah.

Katanya, negara kurang maju seperti Vietnam mampu menyediakan perkhidmatan jauh lebih baik berbanding negara ini.

"SKMM perlu serius memastikan setiap syarikat ada KPI khusus untuk mereka capai dan perlu mengikut kadar capaian

yang ditetapkan. Banyak telco mendakwa mereka teraju di Malaysia, namun di sesetengah kawasan masih ada masalah rangkaian," katanya kepada Selangor Kini, pada 29 September lalu.

Yusof berkata, budaya monopoli tidak menyumbang kepada peningkatan harga yang dihadapi pengguna walaupun syarikat telekomunikasi terpaksa membelanjakan kos tinggi untuk memulakan perkhidmatan jalur lebar.

Katanya, tawaran harga jalur lebar yang tinggi kepada pengguna bakal menjejaskan usaha penembusan maklumat secara terus seperti disarankan kerajaan.

"Keadaan itu juga mengecewakan pengguna yang terpaksa membayar perkhidmatan pada harga tinggi tetapi syarikat telekomunikasi mengambil pendirian 'sekadar ada' tanpa menaik taraf mutu capaian," katanya.

## Lebih 1,000 sertai himpunan kutuk Israel



**SHAH ALAM** - Lebih 1,000 peserta menyertai Himpunan Mengutuk Kekejaman Israel Dan Selamatkan Masjid Al-Aqsa di hadapan Masjid Jamek, Kuala Lumpur selepas solat Jumaat kira-kira jam 2 petang, pada 2 Oktober lalu.

Himpunan anjuran PAS itu dengan tegas mengecam tindakan jahat Israel yang berterusan menceroob Masjid Al-Aqsa.

Himpunan yang dipengerusikan Pengarah Penerangan PAS

Wilayah Persekutuan, Kamaruzzaman Mohamad itu turut dihadiri Naib Presiden PAS, Datuk Iskandar Samad dan Presiden Muslim Care, Zulkifli Wahijan.

Pengarah filem, Adam Hamid turut hadir dan diberi kesempatan berucap, lapor portal Harakah Daily.

Sambil menitikkan air mata, Adam mengecam negara kuasa besar dunia Amerika Syarikat yang masih membisu terhadap kebiadaban Israel.

## Najib lemah punca kuasa asing campur tangan

**SHAH ALAM** - Isu kenyataan Duta China ke Malaysia Dr Huang Hui-kang berkenaan himpunan baju merah di Jalan Petaling amat luar biasa dan menunjukkan kegagalan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sehingga menyebabkan kuasa asing campur tangan dalam isu politik tempatan.

Ketua Angkatan Muda Keadilan, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata isu itu jelas membuktikan reputasi negara yang suatu ketika dulu dijadikan contoh kini tercalar.

"China melalui wakilnya ke Malaysia bagaikan memberi isyarat mereka sudah bersedia menyatakan pendirian berkenaan perihal negara lain. Ketandusan pemimpin baik di Malaysia boleh menyebabkan lebih banyak campur tangan kuasa asing," katanya dalam kenyataan media, pada 29 September lalu.

Nik Nazmi berkata, tindakan Dr Huang mungkin melampaui batas yang bersesuaian dengan seorang ahli diplomat dan berharap China turut bersedia menerima teguran daripada warga dunia berkenaan pelbagai isu di negara itu termasuk cara mereka meng-

dalikan aktiviti pro-demokrasi, masyarakat Muslim Uyghur dan warga Tibet.

"Namun, apa yang tidak boleh dinafikan adalah perkara itu tidak terjadi jika Najib dan kerajaan menunjukkan kepimpinan baik, berprinsip dan lebih tegas di dalam kes baju merah.

"Sebaliknya apa yang kita saksikan, ramai pemimpin Umno mengeluarkan kata bercanggah dan tidak benar termasuk Perdana Menteri sendiri," katanya.

Nik Nazmi berkata, Malaysia juga tidak seharusnya mengambil hati atas kritikan pihak luar terutama di dalam hal politik dan hak asasi manusia.

"Walaupun prinsip tidak campur tangan, kita sering juga menyatakan pendirian dan memberi pendapat dalam isu antarabangsa contohnya keadaan di Palestin.

"Selain itu, Malaysia juga antara negara Komenwel pertama mengkritik polisi Apartheid di Afrika Selatan. Kita memerlukan kepimpinan berketerampilan dan berprinsip dalam pentadbiran untuk memulihkan kegemilangan negara ini di persada dunia," katanya.



# Obama patut batal jumpa Najib

OLEH AFIX REDZUAN

**PETALING JAYA** - Amerika Syarikat patut mengantung rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasific (TPPA) dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana beliau terpalit dalam skandal kewangan.

Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata Najib digambarkan sedang disiasat Jabatan Keadilan Amerika Syarikat menurut laporan akhbar The New York Times, pada 21 September lalu.

Perkembangan itu memberi kesan kepada kebebasan dan imej Malaysia di mata dunia selain menyumbang kepada sentimen buruk pelabur.

"Kali pertama dalam sejarah negara ini apa-

bila Perdana Menteri disiasat negara asing atas tuduhan jenayah. Siasatan terhadap Najib merumitkan hubungan diplomatik kedua-dua negara di saat berlangsungnya rundingan TPPA yang mengundang pelbagai kontroversi.

"Pelbagai skandal dan tuduhan terhadap Najib juga menjatuhkan lagi kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang mempunyai hubungan baik dengan Amerika Syarikat," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat PKR, pada 30 September lalu.

Dalam perkembangan sama, Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama disaran membatalkan perjumpaan bersama Najib yang dijadualkan November ini sehingga siasatan selesai bagi mengelak persepsi buruk kepada kedua-dua pihak.



## Tiga tahun lagi tamat sengsara jerebu Tak wajar guna ayat kasar

**SHAH ALAM** - Sekurang-kurangnya tiga tahun diperlukan Indonesia bagi menangani kegiatan pembakaran ladang dan hutan di negara itu, sekali gus menyelesaikan masalah jerebu yang turut memberi kesan terutama kepada Malaysia dan Singapura.

Presidennya, Joko Widodo, berkata mustahil kebakaran hutan dapat ditangani dalam masa singkat dan tempoh tiga tahun memadai bagi melihat pencapaian usaha mengatasi masalah berkenaan.

"Antara usaha yang sedang dijalankan dengan mengerah 3,700 tentera dan 8,000 polis serta empat pesawat untuk memadamkan kebakaran.

"Kita juga mengambil tindakan segera membina terusan di tanah ladang supaya sentiasa basah dan tidak mudah terbakar," katanya dipetik Bernama, pada 1 Oktober lalu.

Presiden Indonesia yang lebih dikenali sebagai Jokowi itu berkata, pihak berkuasa juga menahan beberapa individu dan pemilik



syarikat yang dipercayai terbabit dengan aktiviti pembakaran hutan juga ladang bagi tujuan penanaman semula.

Kebakaran hutan dan kawasan pertanian kini melanda beberapa wilayah Indonesia seperti Riau, Sumatera Selatan, Jambi, Kalimantan Barat, Kalimantan Tengah, Kalimantan Sela-

tan dan Kalimantan Timur.

Pembakaran besar-besaran hutan dan tanah pertanian dipercayai dilakukan pihak tertentu sebagai cara mudah membuka kawasan pertanian baharu dan syarikat pelaburan Malaysia juga Singapura sering dikaitkan kononnya terbabit dalam masalah itu.

**SHAH ALAM** - Tidak wajar bagi pemimpin kerajaan menggunakan perkataan kasar ketika berucap walaupun dalam nada bergurau terutama untuk memberi amaran kepada sesebuah kaum.

Bekas Naib Ketua Pemuda Umno Wangsa Maju, Shahbudin Husin, berkata tidak salah untuk menyelitkan unsur politik dalam ucapan, namun jangan melampau batasan.

"Apakah tidak boleh peringatan itu disampaikan dalam bentuk ucapan biasa tanpa menyebut perkataan 'lempang' dan sebagainya?"

"Bak kata orang Perak, dah kuat bebenor ke berbanding orang Cina?," katanya di dalam blog, baru-baru ini.

Kenyataan itu merujuk kepada tindakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang memberi amaran akan melempang rakyat Cina di negara ini jika mengadu masalah kepada pihak luar.

Shahbudin berkata, imej Barisan Nasional (BN) akan bertam-

**“Apakah tidak boleh peringatan itu disampaikan dalam bentuk ucapan biasa tanpa menyebut perkataan 'lempang' dan sebagainya”**

**SHAHBUDIN HUSIN**  
Bekas Naib Ketua Pemuda Umno Wangsa Maju

bah buruk ekoran tindakan Tajuddin yang gagal menunjukkan contoh baik sebagai pemimpin.

Katanya, kewibawaan Ahli Parlimen Pasir Salak itu juga tercalar kerana tidak mampu mengawal situasi yang mengganggu emosi.

"Kalau dalam ucapan boleh begitu, bagaimana pula bila berdepan dengan pihak yang tidak sebulu dengannya di mesyuarat atau perundingan? Apakah mungkin akan berlaku fail melayang atau kerusi berterbangan?," katanya.

## Segera rawat Anwar

**PETALING JAYA** - Keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim mendesak Ketua Panel Doktor, Datuk Dr Jeyandran Sinnadurai memudahkan urusan rawatan yang diperlukan Ketua Umum PKR itu selepas berhadapan kecederaan bahu kanan yang kronik.

Isterinya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata Anwar harus menjalani rawatan fisioterapi sejak dimasukkan ke penjara lapan bulan lalu, namun

sehingga kini masih tiada sebarang tindakan.

Katanya, kecederaan bahu itu menjejaskan aktiviti seharian Anwar termasuk untuk memakai baju dan menyikat rambut.

Beliau yang juga Presiden PKR berkata, rawatan segera diperlukan kerana rawatan fisioterapi di Penjara Sungai Buloh tidak memadai dan keadaan lebih rumit akan berlaku jika dilengahkan.

"Kami percaya hal ini se-

cara langsung membabitkan keadaan fizikal di Penjara Sungai Buloh khususnya tiga minggu pertama dan penafian rawatan berkesan dikenakan terhadap beliau di penjara.

"Rawatan fisioterapi intensif yang disyorkan pakar ortopedik dari awal masih dinafikan kecuali beberapa hari sahaja ketika beliau dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL), pada Jun dan Julai lalu," katanya di sini, pada 30 September lalu.

## SELANGOR SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Muaz Omar

**PENGARANG:** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news.selangorkini@gmail.com



# Selaras program basmi kemiskinan

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Program pembasmian kemiskinan bagi semua komuniti perlu diselaraskan dalam usaha memastikan rakyat menerima pembelaan sewajarnya.

Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan, Haniza Talha, berkata tiada program khusus untuk tujuan itu sebaliknya hanya pendekatan secara tidak langsung ketika ini.

Beliau berkata, pihak berkenaan perlu berhubung dengan stanco kemiskinan untuk memastikan program pembasmian mempunyai kesinambungan.

"Mungkin ada pihak menganjurkan program yang baik tetapi tiada hubungan atau kaitan se-

cara spesifik bersama bahagian menguruskan pembasmian kemiskinan.

"Disebabkan itu, program yang ada tidak boleh dimanfaatkan secara keseluruhan kerana tiada penyelarasan," katanya kepada Selangor Kini, pada 30 September lalu.

Dalam pendengaran itu, fokus diberikan kepada Kampung Baru Cina yang mempunyai 78 kampung seluruh Selangor dengan peruntukan pembangunan RM5 juta setahun.

Haniza yang juga Adun Taman Medan, berkata program pendidikan yang dianjurkan Kampung Baru Cina harus dipuji kerana membuka minda penduduk setempat.

Katanya, langkah itu boleh

dicontohi Kampung Tradisi Melayu dan Kampung Komuniti India dalam memastikan seluruh masyarakat dibekalkan ilmu serta pengetahuan.

"Penganjuran program Riang Ria Membaca yang dianjurkan komuniti Cina sesuatu yang baik kerana membabitkan pendidikan. Ia adalah program sosial yang sangat baik dan harus dicontohi.

"Jika masyarakat memiliki tahap pendidikan tinggi, maka ia membawa perubahan cara hidup, berfikir dan peluang untuk menambah pendapatan terbuka luas. Segala saranan dalam pendengaran tertutup itu akan dibawa ke penyata untuk dibahaskan pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), akan datang," katanya.

# Lampu jalan LED menjelang 2016

**SHAH ALAM** - Sebanyak 2,800 lampu jalan di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negeri akan diganti dengan lampu dioda cahaya (LED), bermula tahun hadapan.

Exco Kerajaan Tempatan, Ean Yong Hian Wah, berkata rancangan yang terkandung dalam Belanjawan Selangor 2016 itu diambil bagi memberi kesan pencahayaan lebih terang, tahan lama dan menjimatkan kos.

"Semua lampu jalan di bawah PBT akan diganti kepada LED secara berperingkat. Ia dah diluluskan Kerajaan Negeri membabitkan kos lebih RM5 juta bagi 2,800 lampu jalan seluruh Selangor," katanya kepada Selangor Kini.

Hian Wah berkata, projek itu akan dimulakan di kawasan bandar sebelum diikuti kawasan luar bandar dan akan ditambah secara berperingkat pada tahun berikutnya mengikut keperluan semasa.



**Semua lampu jalan di bawah PBT akan diganti kepada LED secara berperingkat. Ini dah diluluskan Kerajaan Negeri membabitkan kos lebih RM5 juta bagi 2,800 lampu jalan**

**EAN YONG**  
Exco Kerajaan Tempatan

# Orang Asal mahu tumpuan khusus



**KLANG** - Kerajaan Negeri diharapkan dapat memberi tumpuan khusus kepada masyarakat Orang Asal dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2016, pada 30 Oktober ini.

Nelayan, Sunyi Inchi, 32, berkata sektor perumahan seharusnya turut menjadi agenda Kerajaan Negeri dalam membantu masyarakat Orang Asal memiliki kediaman yang mampu milik dan selesa.

"Ini termasuk status tanah didiami masyarakat Orang Asal yang kebanyakannya masih berstatus rizab dan bukan milikan tetap.

"Selain itu, isu kebajikan juga perlu diambil kira terutama golongan nelayan yang seakan dipinggirkan terutama Orang Asal," katanya yang tinggal di Kampung Pulau Indah.

Sementara itu, suri rumah dari Kampung Orang Asli Bukit Bang-

kong, Azilah Mujir, 42, pula berharap Kerajaan Negeri dapat menyediakan program khas untuk golongan wanita Orang Asal.

"Ini termasuk bantuan galakan dan latihan perniagaan kepada usahawan yang sukar mendapatkan semua itu di luar.

"Dengan ini, golongan wanita Orang Asal dapat menambah pendapatan isi rumah selain mampu memajukan diri dan keluarga," katanya.

**ANUGERAH IKON MASYARAKAT ORANG ASAL**

**Status Orang Asal bukan halangan untuk golongan itu mengecapi kejayaan dan menjadi ikon kepada semua masyarakat di negara ini.**

“

Kita lahir sama, yang membezakan adalah azam kita. Tetapi sejauh mana komitmen kita untuk berjaya dan menjadi contoh kepada generasi baru mengecapi perkara yang baik dalam hidup mereka

**Amizan Silai, 40**  
Lebih tiga kali sertai pertandingan golf antarabangsa



“

Sejak usia 12 tahun, saya menerima galakan ayah untuk sukan ini dan ternyata kerja keras kami bukan sia-sia dan berjaya membuktikan bahawa Orang Asal juga boleh berjaya. Saya yakin sasaran ke Sukan Olimpik juga akan tercapai

**Norashikin Mohd Sayed, 22**  
penerima pingat Emas Sukan SEA perahu layar wanita 2014.

“

Budaya dan kehidupan Orang Asal adalah inspirasi motif hasil karya seni saya. Saya juga mampu menghasilkan dan mempamer serta menjual hasil kerja di pameran tempatan juga antarabangsa seperti London

**Shahar Koyok (Shaq) 30**  
Artis dari Pulau Kempas





# Uji sampel anjing setiap bulan

**SHAHALAM**-Kekerapan pengujian sampel anjing daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dipergiat sebagai langkah pencegahan penyakit rabies, kata Exco Kerajaan Tempatan, Ean Yong Hian Wah.

Beliau berkata, ia dikuatkuasakan di semua PBT dengan kekerapan ujian setiap bulan sehingga wabak itu berakhir

walaupun Selangor diisytihar bebas daripada penyakit anjing gila.

"Vaksinasi juga perlu diberikan kepada anjing peliharaan jika mahu diekspor ke luar negara atau dibawa ke kawasan penampungan wabak itu. Ia selaras dengan arahan dan keputusan dasar Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perkhidmatan

Veterinar," katanya dalam kenyataan media, pada 30 September lalu.

Pada masa sama, beliau juga menyarankan pemilik haiwan jenis itu supaya tidak membawanya ke kawasan yang dijangkiti wabak, namun mereka perlu mendapatkan permit khas daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri jika terpaksa ke sana.

"Pemilik juga dinasihatkan mengawal pergerakan binatang peliharaan daripada bercampur dengan anjing liar. Kerajaan Negeri komited untuk bekerjasama dengan semua pihak termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Jabatan Kesihatan Selangor, PBT dan pertubuhan bukan kerajaan bagi mengatasi wabak itu," katanya.

Sehingga kini, tiga negeri diisytihar sebagai kawasan penularan wabak anjing gila atau rabies iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Kes terakhir penyakit anjing gila di Malaysia adalah pada 1999 dan kemudiannya diisytihar bebas rabies oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia, pada 2012.

## Insinerator perlu kajian dan pertimbangan

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri disaran mempertimbangkan cadangan pelaksanaan sistem insinerator atau 'waste to energy' sebelum dimuktamadkan dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035.

Adun Bukit Gasing, R Rajiv, berkata pelaksanaannya dilihat kurang wajar pada masa kini kerana membabitkan kos tinggi yang mendatangkan beban kepada Kerajaan Negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Diharap Kerajaan Negeri menanggungkan cadangan ini dalam pelan hala tuju Selangor sehingga dikaji apa faktor kebaikannya terhadap 'cost-benefit analysis'.

"Ini kerana penggunaannya di negara jiran membabitkan kos sangat mahal ekoran PBT tidak mampu menyalurkan sampah atau sisa pepejal ke kawasan insinerator," katanya pada sidang media di lobi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), di sini, pada 30 September lalu.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga tidak perlu tergesa-gesa ekoran tapak pelupusan sampah di Bukit Tagar luas dan mampu bertahan hingga 50 ke 100 tahun.



Katanya, pelaksanaan kaedah itu memerlukan kajian mendalam berhubung cara mengurus dan lokasi strategik untuk pembinaan selain impaknya kepada pencemaran alam sekitar.

"Sebagai alternatif, kita perlu memperbanyakkan Kemudahan Pengasingan Material (MRF) kerana ia bertindak seperti kilang

memproses sampah dan bahan buangan.

"Ia menarik keluar semua bahan yang boleh dikitar semula dengan mengasingkan bahan dari semua sampah di tapak pelupusan. Kosnya lebih rendah dan kita tidak perlu membayar jika pengurusan dibuat secara baik," katanya.

## Semua kaum perlu duduk semeja

**SHAH ALAM** - Pembangunan fizikal dan sosial perlu diseimbangkan dalam usaha membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat dilaksanakan dengan baik.

Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan, Haniza Talha, berkata tumpuan besar diberikan kepada pembangunan infrastruktur hingga meminggirkan aspek sosial.

Beliau berkata, RM3 juta dimanfaatkan bagi kampung tradisi Cina untuk pelaksanaan 49 projek sehingga 28 September lalu.

"Memang bagus untuk pembangunan fizikal tetapi mesti realistik kerana modal insan juga perlu seiring di sebalik zaman moden ini. Kita tak mahu kampung itu mempunyai jalan raya cantik tetapi masyarakatnya miskin daripada segi pemikiran dan jiwa," katanya kepada Selangor Kini, pada 30 September lalu.

Pada masa sama, Haniza menganggap pembahagian stanco bagi setiap komuniti adalah baik memandangkan setiap kaum mempunyai masalah berbeza dan perbincangan antara semua wakil komuniti perlu diselaraskan bagi menjamin program pembas-



**Memang bagus untuk pembangunan fizikal tetapi mesti realistik kerana modal insan juga perlu seiring di sebalik zaman moden ini**

**HANIZA TALHA**  
Pemangku Pengerusi  
Jawatankuasa Pilihan Khas  
Pembasmian Kemiskinan

mian kemiskinan berkesan.

"Jawatankuasa sarankan supaya ketiga-tiga wakil komuniti duduk bersama dan berbincang berkenaan program pembasmian kemiskinan. Dengan cara itu akan ada kesinambungan dan lebih mudah mencari penyelesaian," katanya.

## 300 Orang Asal meriahkan Program Jalinan Kasih

**KLANG** - Lebih 300 Orang Asal seluruh Selangor hadir memeriahkan Majlis Jalinan Kasih Masyarakat Orang Asal yang julung kali diadakan anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa menyifatkan kehadiran baik itu sebagai komitmen tinggi masyarakat

Orang Asal untuk terus maju.

"Tahniah dan syabas kepada semua yang hadir ke sini kerana bukan mudah untuk membawa semua terutama Tok Batin.

"Diharap majlis dan komitmen sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi mengeratkan lagi hubungan sesama kita," katanya pada majlis yang diadakan di Hotel Premiere, di

sini, pada 29 September lalu.

Hadir sama Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Muhammad Olian Abdullah, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Bakar Unus dan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Azlan Md Alifiah serta 49 Tok Batin daripada semua perkampungan Orang Asal..

Majlis turut mendapat ker-

jasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Islam Orang Asli Islam Selangor (PKPI).

Pada majlis sama, MAIS turut menyampaikan sumbangan bantuan bina rumah kepada 10 saudara baru berjumlah RM450,000, bantuan pendidikan kepada 10 pelajar cemerlang (RM3500), bantuan

mesin rumput sebanyak 49 unit (RM47,000) dan Anugerah Ikon Masyarakat Orang Asli kepada empat individu (RM4,000) yang menjadikan jumlah keseluruhan RM504,500.

Selain itu, PKNS turut memberi sumbangan bantuan baik pulih surau kepada 12 surau Orang Asal berjumlah RM60,000.

Pertahan kedudukan

# Negeri utama sumbang KDNK

OLEH NAZLI IBRAHIM

**PELABUHAN KLANG** - Selangor mampu mempertahankan kedudukan sebagai penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) jika mempunyai kemudahan logistik serba lengkap bagi kemudahan pelabur dalam dan luar negara.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata kedudukan itu akan terus dipertahankan terutama dalam keadaan pertumbuhan pelaburan yang memberangsangkan di negeri itu.

"Kita mengambil maklum Selangor adalah pintu masuk utama ke Malaysia untuk pelabur juga pelaburan langsung asing (FDI)

dan penyumbang utama KDNK negara.

"Hari ini, Selangor menyumbang 25 peratus kepada KDNK dan bertanggungjawab untuk memastikan ia dipertahankan dalam usaha mencatatkan prestasi mampan dan meyakinkan pada masa akan datang.

"Selangor disokong dua lapangan terbang antarabangsa, mempunyai pelabuhan kedua tersibuk di ASEAN dan ke-13 di dunia,

"Malah, jaringan lebuhraya dan rel keretapi yang menghubungkan Pelabuhan Klang ke seluruh Semenanjung Malaysia mengukuhkan lagi negeri ini sebagai logistik hub utama," katanya di sini, pada 3 Oktober lalu.

“

**Selangor disokong dua lapangan terbang antarabangsa, mempunyai pelabuhan kedua tersibuk di ASEAN dan ke-13 di dunia**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

Mohamed Azmin, berkata Pelabuhan Klang yang secara puratanya mampu mengendalikan kontena sembilan juta TEU (unit bersamaan 20 kaki) setiap



Gambar hiasan

tahun membuktikan kepentingan industri logistik dalam urusan import dan eksport negara.

"Kerajaan Negeri mengenalpasti industri logistik sebagai

salah satu sektor kritikal yang perlu diberi perhatian demi memastikan pembangunan ekonomi Selangor terus berkembang positif," katanya.

## Kerjasama diperluas bantu pembeli rumah

**PANDAN** - Program kerjasama Kerajaan Negeri-Maybank yang diwujudkan bagi membantu pembeli projek perumahan Bukit Botak mendapatkan pinjaman bakal diperluaskan dalam Belanjawan 2016.

Exco Perumahan, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata langkah itu diambil bagi membolehkan pembeli yang tidak mempunyai pendapatan tetap, tiada bukti pendapatan dan umur lanjut mendapatkan pinjaman membeli kediaman.

"Asalnya, ia adalah program membantu pembeli projek Bukit Botak yang dikenali sebagai Selayang Mutiara apabila ada di antara mereka tidak dapat pinja-

man bank.

"Kita adakan perbincangan dengan Maybank yang bersetuju memberi pinjaman kepada mereka dengan Kerajaan Negeri meletakkan sejumlah wang di dalam Maybank sebagai jaminan.

"Ini bermakna jika Kerajaan Negeri tak melangkah masuk, maka mereka tak dapat pinjaman. Kita lihat skim ini boleh diperluaskan ke tempat lain dan sudah dapat persetujuan Maybank untuk mempraktikkan kaedah ini," katanya pada Sambutan Pesta Tanglung peringkat DUN Chempaka, di Pandan Jaya, di sini, pada 4 Oktober lalu.

Pada Ogos lalu, Kerajaan Negeri dan Maybank memeterai Perjanjian Skim Khas Pembiayaan Pembelian Rumah Selangorku bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana mendapatkan pinjaman.

Kerjasama fasa pertama itu membolehkan 674 pembeli dari lima projek Rumah Selangorku iaitu Taman Selayang Mutiara, (164), Rumah Kos Rendah (RKR) Rimba Jaya (104), RKR Ukay Indah Sungai Sering (116), RKR Lembah Subang 2 (262) dan RKR Berembang Indah (28).

Skim itu membiayai sehingga 97.5 peratus daripada nilai harga hartanah dengan tempoh pembiayaan 30 hingga 60 tahun.

“

**Ini bermakna jika Kerajaan Negeri tak melangkah masuk, maka mereka tak dapat pinjaman. Kita lihat skim ini boleh diperluaskan ke tempat lain dan sudah dapat persetujuan Maybank untuk mempraktikkan kaedah ini**

## Tambah RM20 juta peruntukan

# TEPAT 2016 bela nasib pembeli projek 'sakit'

**PANDAN** - Kerajaan Negeri dijangka menyediakan peruntukan tinggi bagi membantu pembeli projek perumahan terbengkalai memiliki kediaman mereka dalam Belanjawan 2016.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata peruntukan itu disalurkan melalui Tabung Pemulihan Perumahan Terbengkalai (TEPAT) bagi membaik pulih projek perumahan terbengkalai.

"Kita tambah lagi peruntukan

“

**Banyak kes pembeli terpaksa menanggung sendiri kerja pemuliharaan rumah terbengkalai yang tidak sepatutnya berlaku kerana ia menganiaya dan membebaskan mereka**

**ISKANDAR SAMAD**  
Exco Perumahan

TEPAT membolehkan RM20 juta untuk 2016 dalam usaha memastikan lebih banyak projek terbengkalai dibaik pulih. Banyak kes pembeli terpaksa menanggung sendiri kerja pemuliharaan rumah terbengkalai yang tidak sepatutnya berlaku kerana ia menganiaya dan membebaskan mereka," katanya, di sini, pada 4 Oktober lalu.

Pada pembentangan Belanjawan 2015, Dato' Menteri Besar, Mohammed Azmin Ali mengumumkan penubuhan TEPAT dengan dana RM20 juta dalam usaha Kerajaan Negeri membantu golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman mereka yang terbengkalai.

Langkah itu diambil kerana kebanyakan pemaju tidak mahu menyelamatkan projek kos rendah yang terbengkalai kerana memerlukan suntikan dana tinggi, sekali gus menyebabkan pembeli teraniaya.

Sehingga kini, TEPAT berjaya memulihkan 55 projek terbengkalai dan dianggap pencapaian terbaik memandangkan projek sakit terbabit mengalami defisit antaranya perumahan Rimau Indah, Taman Desa Mawar dan Kampung Sungai Yu, Kuala Selangor.



Gambar hiasan



RESIDENCE

# Citrina 3

BERNAM JAYA

## RUMAH KLUSTER 2 TINGKAT



HARGA DARI **RM413,928\***

\*harga jualan Bersejarah sebelum 2015/11

- ◆ Setiap unit adalah unit tepi dengan bukaan saiz lot 42' lebar
- ◆ Ruang tamu dan dapur yang praktikal
- ◆ Akses mudah ke rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan dan Jalanraya Tanjung Malim-Rawang
- ◆ Dikelilingi prasarana membangun seperti sekolah, hospital, pusat komersil dan Universiti Pendidikan Sultan Idris
- ◆ Pengudaraan dan pencahayaan yang baik
- ◆ Laman yang luas



**KLUSTER 2-TINGKAT • 1,445 - 2,036 KPS • 3 REKABENTUK MODERN**



KOORDINAT GPS : N3 39 27 E101 32 12

[www.pkns-property.com](http://www.pkns-property.com)

50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan dan Merealisi Impian



016 251 0113 013 939 0310 013 393 8183  
019 269 7641 013 342 1098 019 303 4342

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Tingkat 2, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik, 40505 Selangor Darul Ehsan • No. Lesen Perajua: 9062-8401-2016/91 (L) • Tempoh Sah: 25/01/2014 - 24/01/2018 • No. Permit Pengiklanan: 5052-8401-2016/91 (P) • Tempoh Sah: 25/01/2014 - 24/01/2018 • Pihak berkuasa yang meluluskan petan bangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor • No. Kelulusan Petan Bangunan: (B) di MDMHS 431/2M/15/002-B bertarikh 18/8/11 • Bobotan Tanah: Tiada • Status Hakmilik: Pajak 99 tahun tamat pada 24 April 2107 • Tarikh Cijangka Siap: Disember 2013 • Bilangan unit: 78 unit • Harga (Minima): RM395,840 (Maksima): RM595,353 • Sekatan Kapentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Informasi yang terkandung dalam iklan ini tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh dianggap sebagai jaminan daripada sesuatu tawaran atau kontrak. Pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan jika terdapat sebarang butiran yang tidak tepat. Semua ilustrasi adalah gambaran pelukis sahaja.



## Fokus angkat nilai ilmu

# ABIM realisasi visi bina tamadun Khair Ummah

**A**ngkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bukanlah nama asing dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini atau di peringkat Asia. Memiliki lebih 30,000 ahli setakat ini, ABIM terus unggul mengorak langkah untuk memartabatkan golongan belia dalam bidang agama, pendidikan dan institusi kekeluargaan. Berada di bawah naungan **presiden baru, Mohamad Raimi Ab Rahim**, beliau nyata mempunyai visi dan misi untuk menggerakkan belia Islam Malaysia ke peringkat global. **Wartawan Selangor Kini, AFEEQA AFEERA** yang berpeluang menemu-bual beliau mempunyai maklumat lanjut berhubung visi dan misi berkenaan.



## Ceritakan berkenaan penubuhan ABIM, apakah tujuan dan matlamatnya?

ABIM ditubuhkan pada 1971 yang menjadi lanjutan daripada aktivis mahasiwa universiti yang bergiat aktif ketika di alam pengajian. Ia disertai pelajar dari kampus tempatan dan luar negara seperti United Kingdom dan Mesir yang ingin meneruskan gerak kerja di peringkat kebangsaan.

Wadah ABIM untuk menggerakkan belia dipersetujui dalam Persidangan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam ke-10 dengan tujuan memberi kesedaran kepada umat Melayu Islam di Malaysia.

Selain itu, ABIM juga mahu menyampaikan dakwah dan nilai murni Islam selari dengan tuntutan al-Quran dan sunnah.

## Apakah kelebihan ABIM berbanding NGO Islam lain?

ABIM bersifat kebangsaan dan kita mempunyai 120 cawangan di seluruh negara dan organisasi ini mempunyai akar umbi bukan sahaja di peringkat kebangsaan, bahkan di daerah dan negeri.

Apa yang membezakan ABIM dengan NGO Islam lain daripada konteks belia adalah kita memiliki ahli daripada mereka yang berusia bawah 40 tahun.

ABIM memanfaatkan generasi muda dan mahasiswa serta golongan profesional untuk merealisasikan visi juga misi kita membina tamadun Khair Ummah.

**ABIM bersifat kebangsaan dan kita mempunyai 120 cawangan di seluruh negara dan organisasi ini mempunyai akar umbi bukan sahaja di peringkat kebangsaan, bahkan di daerah dan negeri. Apa yang membezakan ABIM dengan NGO Islam lain daripada konteks belia adalah kita memiliki ahli daripada mereka yang berusia bawah 40 tahun**

## Apakah yang mendorong diri-sendiri untuk menyertai ABIM?

Saya memilih ABIM kerana perjuangannya serasi dan cocok dengan apa yang diimpikan dalam hidup. Saya pernah ditanya seorang diplomat ketika di Amerika Syarikat, bagaimana saya boleh membantu dunia dan membawa keamanan? Saya menjawab, ia boleh dilakukan dengan membantu orang lain.

Perkara itu menjadi permulaan kepada pembabitan awal saya dalam ABIM kerana organisasi ini menjelmakan Islam dalam bentuk amalan dan bukan



retorikal, khutbah atau dakwah semata-mata.

ABIM membantu orang miskin, menyediakan perkhidmatan perubatan, meningkatkan daya ekonomi masyarakat dan mengajak serta menyeru orang ramai supaya mencintai budaya ilmu. Ia menjadikan ABIM begitu hampir dengan saya terutama penekanan terhadap budaya ilmu berbanding material dan hiburan.

ABIM meletakkan nilai ilmu begitu tinggi yang menjadi kekuatan organisasi itu khususnya terhadap produk yang ditawarkan seperti penubuhan TASKI di seluruh negara, sekolah rendah dan menengah Islam serta kolej universiti Islam kepada masyarakat.

Kita cuba merealisasikan Islam bukan hanya dalam bentuk kehidupan harian seperti solat, haji atau bayar zakat tetapi ABIM menawarkan penyelesaian berpancukan Islam kepada masyarakat.

## Sebagai presiden, apakah fokus yang ingin dibawa dalam ABIM?

Senario semasa menuntut ABIM untuk menyantuni kelompok belia memandangkan mereka begitu terdedah dengan teknologi, di samping jurang antara golongan dewasa dengan muda termasuk memahami asas penting dalam penilaian terhadap agama.

Generasi muda mempunyai persepsi sendiri, jadi ia menjadi cabaran untuk ABIM memahami pandangan hidup, kekangan atau apa yang sebenarnya dimahukan mereka. Kita sentiasa yakin bahawa moral, akhlak dan nilai murni adalah panduan penting untuk belia dan prihatin dengan apa yang diberi atau digambarkan generasi muda hari ini.

ABIM ingin memastikan bahawa kita relevan dengan generasi muda melalui program 'down to

earth' khususnya untuk mereka yang mengalami masalah dengan keperluan tertentu seperti sukar mendapatkan pekerjaan atau masalah miskin bandar.

Kita mahu mereka keluar daripada mentaliti makan gaji dengan mewujudkan kerjasama bersama agensi yang ingin meningkatkan ekonomi dan sosio budaya belia supaya mampu mandiri.

Kita mahu tumpuan diberi kepada bidang perusahaan atau keusahawanan sosial yang menuntut program serta penerangan kepada belia bagaimana mereka mampu mandiri daripada segi ekonomi.

ABIM berhasrat melahirkan usahawan sosial supaya ada kesedaran bahawa keuntungan mereka akan diberikan semula kepada masyarakat. Untuk permulaan, fokus kita adalah mengeluarkan belia yang berada di paras kemiskinan masuk ke kelas menengah dan tingkatan mere-





ka yang sudah berada dalam kelas menengah.

ABIM juga mahu menekankan institusi kekeluargaan kerana hari ini banyak kes perceraian dalam kalangan belia dan masalah sosial lain ekoran longgarnya institusi itu sendiri.

### Bagaimanakah sambutan belia terhadap ABIM

Belia berpersatuan adalah trend dominan untuk jangka masa panjang. Jadi, apabila bercakap berkenaan persatuan yang pelbagai, ia adalah trend. Bagaimanapun, kita akui persatuan belia menghadapi kesukaran untuk mendapatkan generasi muda yang terbabit penuh komitmen dengan sesebuah organisasi itu.

Kini, timbul istilah belia tidak berpersatuan atau berdiri secara sendiri. ABIM menganggap penyertaan belia itu sangat penting walaupun kita akui tidak semua mereka terbabit sebagai ahli ABIM atau ahli persatuan.

Namun, kita dapati kebanyakan belia ingin membabitkan diri sebagai sukarelawan berdasarkan keperluan tertentu, justeru ABIM akan mengenalpasti bakat dalam kalangan belia yang mempunyai kemahiran sesuai dengan misi dan visi kita.

Dengan pendekatan itu, sambutan yang diterima sangat baik walaupun mereka bukan ahli tetapi mempunyai kepercayaan bahawa ABIM boleh melakukan perubahan khususnya di luar bandar yang perlu didekati.

### Bagaimana dengan kerjasama serantau ABIM?

ABIM adalah organisasi aktif di peringkat antarabangsa dan

**Kita dapati kebanyakan belia ingin membabitkan diri sebagai sukarelawan berdasarkan keperluan tertentu, justeru ABIM akan mengenalpasti bakat dalam kalangan belia yang mempunyai kemahiran sesuai dengan misi dan visi kita**

serantau iaitu kita terbabit dengan semua diskusi kebeliaan untuk Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN). ABIM juga terbabit dengan isu antarabang-

sa sejak penubuhan antaranya membantu pelarian, hak asasi manusia, intelektual dan pembangunan belia

Di peringkat antarabangsa, kita menubuhkan program antaranya 'International Youth Gathering' dengan kerjasama Kerajaan Selangor untuk mendidik generasi muda berkenaan pelbagai isu.

Kita juga memfokuskan kepada persediaan belia dalam menghadapi persaingan global dan pembukaan ekonomi seperti Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) supaya kemahiran mereka dapat dipasarkan.

### Bagaimana pula hubungan ABIM dengan NGO Islam di seluruh dunia?

Kita adalah badan gabungan Union of NGOs In The Islamic World (UNIOW) yang berpusat di



Istanbul serta terbabit sebagai pengerusi untuk sayap pemuda bagi NGO Islam Dunia Asia Pasifik.

Selain itu, pembabitan ABIM juga meluas dalam World Assembly Muslim Youth (WAMY), Majlis Belia Malaysia dan Antarabangsa. Kita terbabit dengan aktiviti NGO Islam dan belia melalui penganjuran program juga persidangan serta merancang program belia seluruh dunia.

### Apakah harapan ABIM un-

### tuk masa hadapan?

ABIM mempunyai misi dan visi untuk tampil di tengah masyarakat yang akan memberi impak kepada golongan belia di bandar serta desa keseluruhannya.

Kita berharap supaya institusi ABIM contohnya TASKI dan sekolah agama dapat menawarkan kepada masyarakat juga komuniti setempat berkenaan pendidikan integrasi (keagamaan dan kontemporari).

Kita juga berhasrat menubuhkan beberapa sekolah lagi dan berharap masyarakat yang sudah merasai kesan pendidikan ABIM untuk terus memberi sokongan. Pada masa sama, kita juga mahu tampil sebagai organisasi pilihan dalam kalangan belia.

ABIM menyeru generasi muda untuk melatih bakat kepimpinan mereka berkenaan isu semasa, memajukan diri dalam bidang ekonomi dan pendidikan serta boleh menjadi sukarelawan.

Untuk tujuan itu, kita mengharapkan kerjasama daripada semua agensi kerajaan khususnya di Selangor supaya kerja kemasyarakatan ABIM untuk anak muda mampu direalisasikan.

Dengan adanya bantuan komprehensif daripada semua pihak, impian kita untuk pergi lebih jauh dan dikenali di seluruh dunia akan tercapai.







▲ Adun Sungai Pelek, Lai Yuk Lan berbasikal dalam program Karnival Kampungku Kesayanganku Daerah Sepang 2015 dan turut disertai Adun Tanjung Sepat, Haslin Hassan



▲ Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh bersama masyarakat dalam Pesta Tanglung dianjurkan Rukun Tetangga SS15/2, SS15/3 dan Ahli Majlis MPSJ, Ken Chia



▲ Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafie menyalurkan bantuan dana Kerajaan Negeri kepada Sekolah Agama Rakyat dalam kawasan DUN itu



▲ Adun Meru, Dr Abd Rani Osman beramah mesra dan memberi sumbangan kepada tetamu di Pesta Kueh Bulan yang diadakan Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah SJK(C) Tiong Hua Kok Bin, Pekan Meru



▲ Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bergambar bersama skuad bola sepak veteran Selangor selepas merasmikan Kejujanan Bola Sepak Piala Menteri Besar bertempat di Stadium Kajang



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha dalam program serahan wang khairat kematian melalui Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kepada waris sebanyak RM2,500



▲ Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin merasai kesungguhan pemungut sampah ketika ulangtahun pertama Jabatan Sisa Pepejal Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)



▲ Adun Sabak, Sallehen Mukhyi turun padang melawat Ban Sungai Tengar, Sungai Air Tawar yang pecah akibat air pasang besar



▲ Adun Melawati, Jakiran Jacomah meraikan peserta di Kejohanan Liga Bola Sepak Terbuka Piala ADUN Bukit Melawati





Karya  
Suzlee Ibrahim  
terus diiktiraf

OLEH HAFIZAN TAIB

Melukis bukan mudah seperti dilafaz dengan kata-kata. Ia memerlukan penumpuan jitu selain ilham bagi menzahirkan apa diidamkan ke layar kanvas buat tatapan umum.

Itu antara situasi yang sering ditempuh pelukis dalam menghasilkan karya bermutu yang dibanggakan khalayak dan menjadi koleksi berharga buat diri dan negara.

Bagi pelukis abstrak negara, Suzlee Ibrahim, satu cabaran bagi dirinya dalam menghasilkan sesuatu lukisan, namun semuanya diharungi penuh sabar demi mencapai pengakhiran yang terbaik.

Beliau nyata boleh berbangga apabila usaha gigihnya diiktiraf Malaysian Book of World Record (MBR) melalui 'The Poem (Wallpaper)' sebagai karya 'Longest Abstract Painting in an Art Gallery' dengan ukuran lima kaki tinggi dan 60 kaki panjang.

Menghasilkan lukisan terpanjang di Malaysia adalah sesuatu yang mencabar minda, masa, tenaga dan kewangan, apatah lagi medium digunakan ialah cat minyak yang lambat kering dengan pelbagai lapisan warna di atas kanvas.

Namun, semangat bagi merealisasikan karya itu mengatasi segalanya hingga beliau berjaya menghasilkan lukisan terbabit walaupun menempuh pelbagai payah

dan dugaan.

Kejayaan Suzlee dirai apabila dianugerahkan hadiah dan pengiktirafan daripada Pengurus Besar MBR, Helilia Juana, dalam satu majlis penyampaian di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, baru-baru ini.

Ia diadakan di universiti berkenaan apabila beliau mengadakan pameran solo, Meditastion, di Galeri Serdang yang terletak di Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM, bermula 19 Ogos hingga 11 Oktober ini.

Ia pameran ke-29 Suz-

lee yang mempamerkan 35 karya terbaik daripada siri terbarunya yang dianjurkan hasil kerjasama Yayasan Seni Selangor (Galeri Shah Alam), Galeri Serdang dan Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA).

Suzlee bukan nama baharu dalam arena seni visual negara atau bidang akademik. Beliau berjaya menunjukkan pencapaian cemerlang sepanjang pembabitan selama 28 tahun sebagai pelukis.

Selain pameran solo, beliau terbabit dalam lebih 1,000 pameran berkumpulan yang diadakan di dalam dan luar negara antaranya United Kingdom, Amerika Syarikat, Denmark, Jerman, Perancis, Belgium, Itali, Brazil, Cuba, Sepanyol, Kanada, China, Jepun, Argentina, Greece, Poland, UAE, Singapura,

Australia, Nepal dan Bangladesh.

Suzlee bermula sebagai pensyarah sambilan di Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, Institut Teknologi MARA, Shah Alam pada 1993 (kini dikenali sebagai Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA). Kini, beliau bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Rekaan Komunikasi Visual, ASWARA.

Suzlee adalah inspirasi kepada pelukis muda dan pelajar institusi seni serta contoh kejayaan ahli akademik juga pelukis negara.

Antara kejayaannya ialah In Recognition of Outstanding Creative Excellence - Emaar International Art Symposium Dubai/ UAE (2005) dan Japan-Malaysia Art Friendship Ambassador - Ministry of Culture Arts and Heritage Malaysia & World Arts and Culture Exchange Malaysia/Japan (2008).

Selain itu, Suzlee turut dianugerahkan Tokoh Seni: Anugerah Citra Kencana Universiti Kebangsaan Malaysia (2011), Excellent Masters Award Universiti Teknologi Mara, Shah Alam (2013) dan Anugerah Pengilmuan Seni ASWARA (2014).

Karya Suzlee juga terus mendapat tempat dalam kalangan masyarakat apabila menjadi koleksi badan korporat dan pengumpul lukisan termasuk kalangan ternama dalam juga luar negara.

# The Poem (Wallpaper) terpanjang di Malaysia





OLEH **KHAIRIL IDHAM ISMAIL**

**L**elah dan meletihkan. Beberapa hari ini Saya diganggu dengan mimpi rasa bersalah kerana membunuh orang. Walaupun sudah bertukar bantal, Saya tetap diganggu mimpi yang serupa saban masa sehingga mengheret rasa penuh bersalah dan serba tidak kena setelah bangkit daripada tidur.

Hatta selimut yang ditukar ganti hanya menambahkan resah dan gelisah setiap kali Saya terjaga dari lena. Apa yang menghairankan Saya bahkan tidak pula bantal, katil, tilam dan selimut yang bertukar-ganti menggantikan mimpi - mimpi Saya.

Walaupun tidur hatta hanya beralaskan tangan sekalipun, Saya akan bangkit daripada lena dengan rasa yang tercungap-cungap kekurangan oksigen seolah-olah seperti sesudah berlari jauh. Jerih dan lelah melarikan diri daripada buruan dan diheret rasa yang penuh bersalah kerana dihurung perasaan kesalahan membunuh orang.

Terdahulu, Saya pernah bermimpi untuk berkelana seorang diri menaiki keretapi merentasi benua Eropah dan Asia. Bermula dari Lisbon Orient Railway Station di Eropah Barat masuk ke Madrid merentasi Sepanyol, Perancis, negara-negara Eropah Tengah dan Timur lalu menuruti rel keretapi yang terpanjang di bumi Trans-Siberian melepasi St.Petersburg, Moscow, Kazan, Tasik Baikal dan Beijing.

Suatu perkelanaan yang merentasi zon waktu yang berbeza hingga akhirnya ke destinasi stesen keretapi yang terakhir, Serdang. Ya, di sinilah pada suatu ketika dahulu Saya meninggalkan kesegalaan seorang lelaki remaja, keluarga dan cinta yang ditolak mengejar cita-cita menjadi seorang jurutera berkelulusan daripada United Kingdom.

Daripada mimpi itu Saya berhasrat menuliskan sebuah autobiografi atau jibunysi dengan tajuk "Dari Lisbon ke Serdang Dengan Keretapi: Antara Cita, Cinta dan Mimpi". Ingin dibuktikan kepada Orkid bahawa dialah seorang lelaki yang berjuang dan tidak mengenal erti kalah walaupun hatinya yang dicuri Orkid dahulu telah dipulangkan dengan patah seribu.

Cita-cita yang terbenih daripada pohon ilham mimpi itulah yang terlukis di kanvas tidurnya suatu ketika dahulu sebelum



**Walaupun tidur hatta hanya beralaskan tangan sekalipun, Saya akan bangkit daripada lena dengan rasa yang tercungap-cungap kekurangan oksigen seolah-olah seperti sesudah berlari jauh.**

mimpi seram, letih dan melelahkan mula mencorakkan setiap tidurnya. Kini tiada apa lagi yang lebih menyeramkan apabila mimpi itu mengheret seribu macam perasaan rasa bersalah dan jerih.

"Siapakah yang telah Aku bunuh? Kenapa dia dibunuh?"

Tidak pernah walau sedetik terlintas di benak fikiran Saya untuk mempunyai hasrat membunuh orang. Bermacam-macam soalan berlegar di fikiran tanpa menemui jawapannya. Hingga rasa lelah dan jerih ini melahirkan rasa takut dan gentar untuk Saya tidur.

Lantaran itu, Saya memilih untuk berjaga dan tidak tidur lagi

bagi menghilangkan rasa yang menyesak ini. Masa jaga Saya digunakan mengulang kaji pelajaran dan membaca buku. Namun, semakin Saya tidak tidur, semakin sakit pula kepala Saya dirasakan.

Dua cara bagaimana Saya cuba menghilangkan sakit kepala ini. Pertama, menikmati pil penenang alprazolam seperti setiap pagi saya menguak jendela, menggetis awan lalu menggumpalnya ke dalam mulut. Kedua, dengan membaca buku-buku pengembaraan.

Pelbagai buku yang dibaca oleh Saya. Antaranya termasuklah membaca buku-buku memoir yang menginspirasi mengenai sebuah perjalanan fizikal dan spiritual seperti Che Guevara: The Motorcycle Diaries yang mencatatkan pengembaraan pemuda bernama Che Guevara, pelajar perubatan berusia dua puluh tiga tahun yang menunggang motorikal ke seluruh Amerika Selatan.

Saya juga membaca perkelaanan mencari makna diri Weiss, seorang Yahudi kepada Asad, seorang Muslim melalui Road To Mecca. Semuanya membakar lagi semangat Saya untuk mengalami sendiri pengembaraan fizikal dan jiwa hingga menintakan kronikel menjadi memoir atau autobiografi.

Siang yang panjang pada musim panas berganti malam yang panjang pada musim salji. Dedaun waktu luruh dari pohon usia. Begitulah Saya masih tidak lagi terlelap dan masih berjaga mengulang kaji pelajaran, membaca buku dan menggumpal awan di sebalik jendela dan mengunyahnya.

Sehinggalah tiba saat itu Saya menggengam ijazah kejuruteraan ketika majlis graduasi. Rasa gembira menggunung di dada menjadikan Saya terlupa tentang rasa bersalah kerana membunuh orang yang menghantui Saya selama ini. Seraya itu jugalah rasa sakit kepala yang dialami selama ini seolah-olah hilang untuk selamanya.

Dengan memiliki ijazah daripada sebuah universiti terkemuka di luar negara, Saya diterima masuk kerja dengan mudah. Bermulalah fasa baru kehidupan Saya dengan memandu kereta sedan berjenama luar negara melalui pinjaman bank tanpa deposit.

Keluar awal pagi, pulang lewat malam. Asap berkepal di jalan raya. Pagi-pagi Saya terbuang dengan gigitan hon dan pekik cacian di telinga segala macam manusia jadian yang memandu kereta seperti Saya. Tatkala tiba di pejabat Saya mendapati bulubulu mula menebal di seluruh badan dan Saya menyertai kum-

pulan besar tikus lain yang sibuk bekerja.

Begitulah rutin harian Saya lewat ini hingga Saya mendapati embun juga tidak lagi setia ber madu kasih dengan daun pada awal pagi seperti tidak setianya cinta Orkid.

Letih.

Lalu pada suatu hari Saya pulang daripada kerja dengan penuh keletihan langsung terlena di atas lantai mozaik ruang tamu dengan berbantalkan lengan. Semenjak daripada hari itu, Saya terus tertidur dan tidak lagi bangun daripada lena. Tiada lagi mimpi yang mengacau hidup Saya.

Sekian lama Saya lari sebagai buruan, akhirnya Saya tertangkap setelah terlena. Saya didakwa di Mahkamah Tinggi Mimpi dengan hukuman gantung setelah ditangkap polis dan dipenjara.

Sedangkan autobiografi daripada mimpi perkelanaan dari Lisbon ke Serdang seorang lelaki yang berjuang antara cita-cita, cinta dan mimpi menjadi kitab hikayat terlung sejarah yang tidak pernah tertulis.

Sebenarnya, Sayalah pembunuh kepada kehidupan Saya sendiri.

TAMAT



Sukan Selangor cakupi kisah suka dan duka

# Atur strategi hadapi saingan SUKMA 2016

OLEH HAFIZAN TAIB

Ber cerita perihal sukan di negara ini khususnya Selangor, ia mencakupi pelbagai kisah suka duka dan tidak kurang ada yang menarik untuk dikongsi bersama.

Dengan pelbagai prasarana dan kemudahan gelanggang terse- dia, Selangor menikmati pelbagai kejayaan membanggakan dalam

tempoh panjang yang mengang- katnya antara negeri utama dalam pembangunan sukan.

Sememangnya negeri termaju ini sinonim dengan banyak ke- jayaan dalam sukan seperti bola sepak, badminton, olahraga, bo- ling, hoki dan beberapa acara lain.

Namun, perancangan Maj- lis Sukan Negeri (MSN) Selangor bagi pembangunan sukan me-

merlukan kerjasama dan pembabi- tan pelbagai pihak berkaitan demi merealisasikan hasil diimpikan.

Dengan moto 'Selangor Pe- neraju Kecemerlangan Sukan' membayangkan kesungguhan MSN Selangor memartabatkan negeri ini sebagai kuasa utama sukan di Malaysia.

"Apabila menerajui MSN Sela- ngor, saya bertekad mencurahkan segala kebolehan bagi mengem-



balikan kegemilangan sukan di negeri ini," kata Pengarah Ekse- kutifnya, Mohd Zubir Idrus.

Dengan pengalaman luas dimi- liki, tidak mustahil ia mampu digap- pai walaupun apa yang menanti dipercayai getir dan mencabar.

Pencapaian Selangor boleh dibanggakan apabila muncul sebagai juara lapan kali di Su- kan Malaysia (SUKMA), namun agak merosot dalam edisi tera- khir (2014) apabila sekadar men- duduki tempat keempat.

Tentunya perancangan tera- tur dirangka MSN Selangor bagi meningkatkan potensi atlet ne- geri bagi memperhebatkan aksi dan mencabar kembali pasukan negeri lain dalam SUKMA 2016.

Pembangunan sukan di setiap daerah pastinya diberi tumpuan ke arah mengenalpasti bakat ba- haru untuk diketengahkan ke pe- ringkat negeri dan kebangsaan. "Program terbabit adalah salah satu fokus sebagai per- siapan pasukan Selangor untuk menghadapi temasya sukan se- perti SUKMA.

"Kita memberi penekanan kepada sukan olahraga selain setiap daerah di Selangor perlu memilih sekurang-kurangnya dua sukan lain sebagai pilihan untuk dimajukan.

"Setiap daerah perlu memba-

“Apabila menerajui MSN Selangor, saya bertekad mencurahkan segala kebolehan bagi mengembalikan kegemilangan sukan di negeri ini

**MOHD ZUBIR IDRUS**  
Pengarah Eksekutif MSN

ngunkannya dalam tempoh dua tahun hasil kerjasama Majlis Su- kan Sekolah Daerah dan kelab di sekitarnya," kata Amirudin Shari, Exco Generasi Muda, Sukan, Ke- budayaan dan Pembangunan Usahawan.

Dengan sokongan Kera- jaan Negeri dan semua pihak berkaitan, Selangor boleh mena- ruh harapan tinggi selain melahir- kan ramai atlet baharu berbakat besar untuk negeri dan negara selain terus muncul sebagai pen- cabar kepada negeri lain dalam setiap acara sukan yang disertai.

“Kita memberi penekanan kepada sukan olahraga selain setiap daerah di Selangor perlu memilih sekurang- kurangnya dua sukan lain se- bagai pilih- an untuk dimajukan

**AMIRUDIN SHARI**  
Exco Sukan




## LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Taklimat Tender	Pembelian Dokumen
<p><b>TENDER BAGI KERJA-KERJA MENUKAR KEPINGAN BUMBUNG LAMA KEPADA YANG BARU SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PANGSAPURI SRI MERANTI, PERSIARAN MERANTI, PJU 9 BANDAR SRI DAMANSARA, KUALA LUMPUR</b></p> <p>No Tender: LPHS/T/K/15/04</p>	<p>Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan</p> <p>Gred: G4</p> <p>Kategori: B &amp; CE</p> <p>Pengkhususan: B04, B15 dan CE21</p> <p>Taraf : Bumiputera</p> <p>Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor</p>	<p><b>RM 163.00 (Tidak Akan Dikembalikan)</b></p> <p>Bayaran dalam bentuk Draf Bank/Kiriman Wang atas nama:-</p> <p>Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor</p>	<p><b>Isnin 19 Oktober 2015</b></p> <p><b>Jam 10.30 pagi</b></p> <p><b>B3-1-P1</b></p> <p><b>Pejabat Pihak Badan Pengurusan Bangunan Strata, Pangsapuri Sri Meranti, Bandar Sri Damansara</b></p> <p><b>(Taklimat Tender adalah WAJIB)</b></p>	<p><b>19 Oktober 2015</b> sehingga <b>30 Oktober 2015</b></p> <p>Waktu Pejabat:- (8.30 pagi – 1.00 tengah hari dan 2.00 petang - 4.00 petang)</p> <p>Kecuali Jumaat (8.30 pagi – 12.00 tengah hari dan 3.00 petang - 4.00 petang)</p>

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **12 Oktober 2015 (Isnin)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada penama yang dinamakan/wakil yang sah sahaja yang telah menghadiri taklimat. Untuk maksud ini, pemilik / wakil-wakil syarikat **DIWAJIBKAN** membawa surat pengesahan sebagai wakil syarikat bersama dokumen asal Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Sila bawa bersama Cop Syarikat.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 02 November 2015 (Isnin)**, kepada:-

**PENGARAH EKSEKUTIF**  
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor  
Tingkat 5, Podium Utara,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
No Tel: 03-5544 7906, No Faks: 03-5510 4137

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Kenyataan tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti berikut: <http://lphs.selangor.gov.my>



OLEH LIZAWATI MADFA

# Orang Asal yang sekarang bukan dahulu

Masyarakat Orang Asal Malaysia khususnya di Selangor bukan lagi seperti yang kita dengar dan lihat seperti 20 tahun dahulu yang duduk di bawah kepompong mereka sahaja, bahkan digambarkan tidak bercampur dengan dunia luar.

Kini, kebanyakan mereka sudah berjaya dalam bidang yang dipelopori, bahkan ada yang bergelar Ahli Dewan Negara iaitu Senator Datuk Muhammad Olian Abdullah.

Di Selangor, masyarakat Orang Asal dilihat lebih ke hadapan, bahkan tiada beza lagi jika dibandingkan dengan kaum majoriti lain dan ia amat berpadanan dengan statusnya sebagai negeri termaju.

Bukan sesuatu yang menghairankan untuk melihat mereka memandu kereta import, memiliki telefon pintar, bekerja profesional dan ramai juga dalam kalangan Orang Asal yang mewakili serta mengharumkan nama negara.

Dalam arena sukan, nama Norashikin Mohd Sayed, 22, bukan lagi asing dalam acara perahu layar. Malah, anak muda dari Kampung Bukit Bakong, Sepang ini berjaya menyumbang emas pada Sukan SEA di Singapura selain pernah menghadihkan pingat perak kepada negara di kejohanan Sukan ASEAN 2010.

Begitu juga dengan Amizan Silai, 40, yang aktif melalui sukan golf. Beliau beberapa kali menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa dan positif bahawa usahanya untuk menyertai Malaysia Master akan berhasi suatu hari nanti.

Mula bermain golf seawal usia 10 tahun, ternyata persekitaran perkampungannya di Kuala Kubu Bharu dengan kemudahan padang golf banyak membuka matanya untuk menyelami sukan berprestij tinggi itu.

Masih lagi berkenaan sukan, walaupun baru berusia 19 tahun, Azrul Affendi Hadi menempa sejarah tersendiri apabila beberapa kali menaiki podium Cup Prix, bahkan anak jati Kampung Bukit Tadam ini bersedia untuk menyertai Grand Prix.

Bukan itu sahaja, seorang lagi anak Orang Asal, Shahr Koyok atau lebih dikenali sebagai Shaq, 30, puas menjelajah seluruh pelusuk dunia bagi mempamer dan menjual hasil

karya seni lukisan dan arca-nya ke serata dunia antaranya, Amerika Syarikat, Kanada dan United Kingdom.

"Kami juga punya tulang empat kerat, akal, semangat, dan keinginan untuk berjaya serta mengharumkan nama bangsa, agama dan negara.

"Jadi, mengapa harus kami menjauhkan diri. Tiada sebab untuk kami ke belakang dan kini adalah masanya untuk terus ke hadapan," terngiang-ngiang lagi antara kata semangat keempat mereka yang menerima Anugerah Ikon, baru-baru ini.

Ternyata, sikap Orang Asal bukan lagi seperti dahulu yang hanya tahu berburu dan sekadar kais pagi makan pagi atau sekadar duduk di hutan umpama katak di bawah tempurung tetapi Orang Asal hari ini celik segala segi termasuk pendidikan, agama, pembangunan, ekonomi juga politik.

Semangat mereka untuk maju harus dipuji. Semangat itu yang menjadikan mereka bukan lagi yang dahulu. Malah, mereka kini boleh dianggap sebagai ikon bukan sahaja kepada kaum mereka sendiri tetapi juga kepada masyarakat lain.

Di Selangor, Kerajaan Negeri juga tidak ketinggalan untuk merai dan membantu Orang Asal untuk terus bergerak ke hadapan bersama kemajuan negeri paling maju di Malaysia.

Daripada segi pendidikan, Kerajaan Negeri memperun-



tukkan RM10 juta melalui Belanjawan Selangor 2015 khusus bagi membiayai pengajian mahasiswa Orang Asal di kampus.

Diberi gelaran Biasiswa Sagong Tasi, bantuan itu diyakini dapat menjamin kelangsungan pendidikan kepada golongan berpendapatan rendah seterusnya dapat membantu Orang Asal meningkatkan taraf hidup.

Begitu juga dengan usaha menarik minat mereka yang keciciran persekolahan untuk menyertai kelas tambahan percuma melalui program Impian Malaysia anjuran DAP Kuala Kubu Bharu sebelum ini.

Program itu diwujudkan bagi membangkitkan minat anak Orang Asal untuk terus belajar ke peringkat lebih tinggi

selepas Kerajaan Negeri menegalkanpasti masih wujud lagi dalam kalangan mereka yang sekadar menghabiskan sekolah rendah.

Bukan daripada segi pendidikan sahaja, bahkan urusan syariah Orang Asal yang beragama Islam turut diberikan perhatian.

Pada April lalu, Ketua Hakim Syarie Selangor, Dr Mohd Naim Mokhtar turun sendiri ke Perkampungan Orang Asal Sungai Lalang, Hulu Langat bagi menyelesaikan beberapa kes syarie.

Inisiatif itu juga diambil selepas memikirkan kesukaran Orang Asal untuk ke bandar bagi menghadiri sesi perbincangan dan perbicaraan kes membabitkan mereka.

Baru-baru ini juga, buat pertama kali, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) meraikan Orang Asal dalam program jalinan kasih bersama lebih 300 masyarakat itu dari 74 perkampungan seluruh Selangor.

Ternyata Orang Asal gemibra diraikan dan berharap program seumpama itu dapat diteruskan pada tahun akan datang.

Dengan sambutan yang begitu baik, Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa juga memberi lampu hijau untuk meneruskan program terbabit bagi mengeratkan sila-

turahim bersama masyarakat bertaraf bumiputera itu.

"Secara tidak langsung, kita juga dapat menunjukkan bagaimana indahnya Islam serta berdakwah. Semoga pintu hati mereka terbuka untuk mengenali dan memeluk Islam," katanya.

Daripada lebih 20,000 Orang Asal di Selangor, kurang 2,000 yang bergelar Islam sementara bakinya masih mengamalkan kepercayaan turun-temurun selain menganuti agama lain.

Diharap, usaha MAIS menyantuni masyarakat Orang Asal akan meningkatkan bilangan muslimin dan muslimat di Selangor.

Kerajaan Negeri juga diharapkan dapat menyediakan lebih banyak inisiatif kepada Orang Asal terutama melalui pembentangan Belanjawan Selangor 2016 pada hujung bulan ini.

Sesungguhnya, mereka tiada beza dengan yang lain. Semuanya sama dan berhak terhadap sebarang kemudahan dan inisiatif yang disediakan.

la selaras dengan firman Allah SWT melalui surah Al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud: "Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal".





## Kempen Kitar Semula MBSA 2015

## Kutip 118,000 kilogram bahan

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Bahan kitar semula seberat 118,000 kilogram (kg) berjaya dikumpul dalam program Kitar Semula Peringkat Tadika, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah 2015 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Program kali kesembilan dengan kerjasama F&N Beverage Marketing Sdn Bhd (F&N) itu membabitkan 41 sekolah sekitar Shah Alam.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata saban tahun pelajar dan guru menunjukkan komitmen padu dalam memastikan sekolah mereka mengumpul kutipan tertinggi.

"Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar berkenaan kepentingan alam sekitar, sekali gus mengurangkan pencemaran," katanya pada Majlis Penutup dan Penyampaian

Hadiah Program Kempen Kitar Semula MBSA 2015 di Dewan Bankuet MBSA, di sini, pada 1 Oktober lalu.

Berat kutipan bahan kitar semulatahun ini meningkat kepada 118,545 kg berbanding tahun lalu (80,277 kg).

Sementara itu, Pengurus Perhubungan Korporat F&N, Cariessa Goh, berkata peningkatan kutipan lebih 47 peratus layak diberi penghargaan kepada pelajar dan guru terutama Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 11 yang menjadi juara kategori kutipan purata.

"Kempen ini sebagai salah satu usaha kita mengurangkan pembuangan sisa pepejal kerana rakyat membuang bahan buangan hampir 30,000 tan setiap hari. Kita juga berhasrat meneruskan program seperti ini bersama MBSA tahun depan," katanya.



## 998 anjing liar ditangkap

**SUBANG JAYA** - Sebanyak 998 tangkapan anjing liar dilaksanakan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sejak awal Januari hingga 29 September lalu.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata langkah awal diambil bagi mengelak penyakit anjing gila berlaku walaupun tidak ada sebarang aduan diterima.

"Kami menerima aduan dari pada orang ramai yang menyatakan kebimbangan berikutan penyakit itu terutama anjing liar semakin berleluasa berkeliaran.

"Hasil juga meningkat bermula Januari iaitu 75 ekor, Februari (69), Mac (71), April (102), Mei (84), Jun (199), Julai (103), Ogos (132) dan September (163) yang menjadikan keseluruhan 998 tangkapan berbanding tahun lalu iaitu hanya kira-kira 700," katanya ketika Mesyuarat MPSJ Jawatankuasa Kewangan Bil. 09/2015, di sini, pada 30 September lalu.

Pada majlis sama, turut diadakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Dan Angkat Sumpah Ahli Majlis MPSJ bagi tahun 2015, M Anbarasan.

Anbarasan dipertanggungjawabkan bagi kawasan JKP Zon 19, Taman Equine, Seri Serdang dan memulakan khidmat pada 31 Ogos lalu hingga 31 Disember ini.

## 'Flat Rate' tawar kompaun serendah RM10

**“Ia terbuka kepada semua jenis kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan MPSJ 2007 membabitkan tempat letak kereta kecuali bagi Larangan Kenderaan Berat (LKB) 10 tahun dari tahun 2010 hingga 2015**

**NOR HISHAM**  
Yang Dipertua MPSJ

**SUBANG JAYA** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melaksanakan kempen 'Flat Rate' bagi membolehkan Orang Kena Kompaun (OKK) membayar cukai dengan kadar serendah RM10.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata kempen itu berlangsung selama tiga bulan bermula 1 Oktober hingga 31 Disember ini.

"Ia terbuka kepada semua jenis kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan MPSJ 2007 membabitkan tempat letak kereta kecuali bagi Larangan Kenderaan Berat (LKB) 10 tahun dari tahun 2010 hingga 2015.

"Kempen itu bagi memberi peluang penduduk setempat yang dikenakan hampir 50 kompaun membuat penyelesaian di luar mahkamah dengan penawaran kadar yang lebih rendah," katanya, di sini, pada 30 September lalu.

Sebelum itu, Nor Hisham berkata, lebih 1.06 juta kompaun dikeluarkan MPSJ dari tempoh 1 Januari sehingga 31 Ogos lalu.

"Sebanyak 734,881 notis kompaun lebih RM61 juta masih tertunggak. Pelaksanaan ini diharap dapat memberi kesedaran kepada penduduk setempat sebelum MPSJ melaksanakan Ops Waran Tangkap selepas tamat tempoh kempen," katanya.

## Dua lokasi stesen cas kenderaan elektrik percuma

**SUBANG JAYA** - Malaysian Green Technology Corporation menawarkan pemasangan stesen kenderaan elektrik (EV Charge) percuma kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Yang Dipertuanya, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata MPSJ menyediakan kawasan lapang atau kosong bagi stesen pengecas EV dan penggunaan elektrik.

"Ia sebagai usaha bagi meng-

galakkan lebih ramai menggunakan kenderaan elektrik (EV) menjelang 2020. Antara yang ditawarkan adalah Unit pengecas EV, pemasangan dengan kerja pendawaian sehingga 10 meter dari kotak agihan, lukisan lantai dan papan tanda EV Charge, penyelenggaraanteknikalsertakhidmat nasihat," katanya.

Nor Hisham berkata, beberapa lokasi dikenal pasti bagi pemasangan stesen kenderaan elektrik

selepas perbincangan bersama Jabatan Kejuruteraan.

"Lokasi pertama terletak di parkir pelawat dan kedua di parkir Kompleks 3C MPSJ. Kita juga akan memastikan keselamatan dan kebersihan stesen pengecas berada dalam



keadaan baik untuk kegunaan orang ramai," katanya.

Katanya, MPSJ juga menyokong pemasaran kenderaan elektrik yang semakin berkembang untuk dimanfaatkan rakyat bagi meningkatkan kualiti udara bebas kar-

## 8,778 kes minggu epid 38, kempen banteras denggi dipergiat

**SUBANG JAYA** - Sebanyak 8,778 kes denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) pada minggu epid ke-38 iaitu sehingga 26 September lalu.

Yang Dipertuanya, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata pelaksanaan Kempen 10 Minit

memerangi aedes menjadi keutamaan MPSJ untuk mengurangkan kes daripada terus meningkat.

"Ia meningkat 3,092 kes berbanding minggu ke-24 (5,684). Manakala, kematian mencatatkan sembilan kes dari Januari hingga kini.

"Pelbagai kempen dan aktiviti dilaksanakan tetapi ia takkan berkesan jika tiada kesedaran daripada penduduk setempat," katanya di sini, pada 30 September lalu.

Sehubungan itu, katanya, MPSJ berharap peranan dan kerjasama semua pihak dalam memastikan

kawasan premis masing-masing bebas denggi.

"Sebanyak 130 kompaun dikeluarkan kepada premis yang gagal mematuhi syarat kebersihan kawasan persekitaran yang mengakibatkan tempat pembiakan aedes semakin berleluasa," katanya.



Ketua Pegawai Integriti (CeIO)

# Kekang rasuah dan salah laku

OLEH HAFIZAN TAIB

**PETALING JAYA** - Langkah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melantik Ketua Pegawai Integriti (CeIO) bagi mewujudkan pentadbiran telus dan bebas rasuah disambut baik pelbagai pihak di bandar raya itu.

Adun Bukit Gasing, R Rajiv, berpandangan ia juga memerlukan proses reformasi berterusan dan hanya mampu ditafisirkan pada kadar tempoh munasabah.

"Tahniah kepada MBPJ kerana melantik CeIO. Jawatan ini berkait dengan tanggungjawab besar.

"Kita mungkin dapat menilai segalanya berhubung kewujudan jawatan ini di MBPJ selepas enam bulan atau setahun," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 30 September ini.

Katanya, pelaksanaan perkara itu perlu dilihat menyeluruh dan me-

rangkumi semua peringkat termasuk golongan bawahan.

"Saya ingin mendengar cerita daripada bawah iaitu pekedai dan peniaga bahawa tiada orang meminta rasuah. Itu sasarannya kerana kita mahu pentadbiran bersih bukan

setakat di atas tetapi semua lapisan dalam pentadbiran MBPJ," katanya.

Baru-baru ini, MBPJ melantik akauntan, Noor Najwa Said, 33, sebagai CeIO bagi menangani salah laku dan perlakuan jenayah dalam kalangan kakitangan awam serta aduan yang orang ramai.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berpendirian tegas terhadap pembentukan Unit Integriti MBPJ bagi memastikan pentadbiran telus dengan tahap etika tinggi.

Beliau berkata, pelantikan Noor Najwa diluluskan Kerajaan Negeri di bawah Belanjawan MBPJ 2016 yang berkuatkuasa pada Januari depan.



Noor Najwa Said

## Elak belanja besar urus sampah

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membelanjakan kira-kira RM62 juta bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan seliaannya tahun ini.

Jumlah terbabit adalah 20.7 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil pendapatannya dengan anggaran kutipan sampah menjangkau 217,000 tan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata pihaknya meningkatkan kos itu ekoran jumlah kutipan sampah bertambah hampir 50 peratus bebanding sebelumnya.

"Secara purata, setiap tahun 144,000 tan sampah dikutip dan RM44 juta dibelanjakan MBPJ antara 2011 hingga 2014.

"Peningkatan pada tahun ini berlaku dengan mengambil kira 677,000 penduduk di bandar raya ini dan MBPJ terpaksa membelanjakan RM91.60 per kapita bagi per-

belanjaan pengurusan sisa pepejal," katanya dalam ucapan Hari Terbuka Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (JPSPPA), di sini, pada 1 Oktober lalu.

Azizi berkata, jumlah terbabit boleh dikurangkan jika kadar kitar semula lima peratus pada masa kini boleh dinaikkan kepada 22 peratus menjelang 2020 seperti disasarkan negara.

"Sebanyak 37,000 tan sampah dapat digunakan semula sebagai sumber bahan mentah ke dalam tapak pelupusan sampah jika ia dicapai. Manakala, RM1.11 juta untuk pembayaran fi pelupusan dapat dijimatkan termasuk impak sampah ke atas pelepasan karbon dioksida dan pengurangan kepanasan iklim.

"Fokus belanjawan MBPJ tahun depan akan turut memberi perhatian kepada 3R efektif dalam pengurusan sisa pepejal," katanya.



JABATAN PERANCANGAN  
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
PENERIMAAN DAN PEMERIKSAAN AWAM  
RANCANGAN TEMPATAN  
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (PENGUBAHAN 2) 2020

## PEMBERITAHUAN

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuan pada 11hb Jun 2014 kepada **Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam (Pengubahan 2) 2020** untuk diterimapakai melalui **No.Warta 3189** pada **31hb Julai 2014**.

Dan bahawasanya **Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam (Pengubahan 2) 2020** seperti mana yang dikehendaki oleh subseksyen 15(4) adalah dibuka untuk diperiksa oleh orang ramai di Jabatan Perancangan, Tingkat 9, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam pada waktu pejabat (9.00 pagi – 5.00 petang).

### DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Shah Alam  
Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA.



Maahad tahfiz daif

# Dapat suntikan moden 2016



OLEH NAZLI IBRAHIM

**SABAK BERNAM** - Maahad tahfiz yang berada dalam keadaan daif dan serba kekurangan akan diberi wajah baru membabitkan kerja baik pulih juga penambahan blok baru, menjelang 2016.

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali berkata, rancangan pemodenan institusi itu termasuk dalam Belanjawan Selangor 2016 yang akan dibentangkan, pada 30 Oktober ini.

"Apakah ini imej Islam? Bagaimana kita nak meyakinkan masyarakat

jika pembangunan maahad tahfiz tidak dapat diurus dengan baik kerana permintaannya cukup besar?

"Kita bukan sahaja berhasrat untuk memperbaiki, bahkan menaik taraf institusi ini dengan blok baru lengkap kemudahan makmal, dewan kuliah dan asrama untuk pelajar meneruskan pengajian," katanya, di sini, pada 25 September lalu.

Katanya, langkah memperkasa institusi pengajian itu bukan sahaja bertujuan melahirkan graduan teguh pegangan agama, bahkan celik sains dan teknologi.

"Generasi yang mampu me-

nguasai ilmu duniawi bertunjangkan kekuatan akidah mampu membawa Selangor ke peringkat lebih cemerlang pada masa akan datang," katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin diberikan taklimat oleh pegawai Jabatan Kerja Raya sebelum membuat lawatan ke tapak cadangan pembangunan maahad tahfiz di Bagan Terap.

Beliau juga sempat meninjau beberapa bangunan yang masih kukuh dan cantik, namun memerlukan beberapa kerja ubah suai untuk dijadikan pusat pengajian.

## Dewan hampir roboh

# SJKC Keng Hee perlu bantuan segera



**PULAU KETAM** - Kerajaan Persekutuan diminta menyediakan peruntukan khas bagi memperbaiki struktur bangunan dewan di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Keng Hee, di sini, ekoran kerosakan bumbung, sejak tiga tahun lalu.

Lebih malang lagi apabila dewan itu turut menempatkan asrama 17 guru di bahagian atas, manakala pejabat dan bilik guru di bahagian bawah.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Chia Chun Heng, berkata pembaikan atau pembinaan semula dewan itu perlu dalam usaha memastikan tenaga pengajar dan pelajar dalam keadaan selamat.

"Perkara ini membimbangkan kerana keselamatan kira-kira 200 pelajar dan guru tidak terjamin. Kita mahu peruntukan khas disa-

lurkan kerana ia sudah lama berlalu.

"Sebelum ini, kami mengeluarkan peruntukan sendiri, namun ia sudah tidak mencukupi disebabkan masalah ini berulang kali berlalu," katanya kepada Selangor Kini, pada 27 September lalu.

Chun Heng berkata, pihaknya sudah menghantar surat kepada pihak terbabit, namun belum mendapat sebarang maklum balas.

"Tidak mustahil semua struktur bangunan roboh. Kami berharap Kerajaan Negeri dapat membantu kerana dikhuatiri peruntukan dari Kerajaan Persekutuan lewat atau tidak diluluskan.

"Dewan ini satu-satunya tempat pelaksanaan aktiviti sekolah. Kita tidak mampu menyewa dewan lain kerana sewa yang mahal, jadi diharapkan ia dibaiki segera," katanya.



**YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali**  
Dato' Menteri Besar Selangor

**YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad**  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan,  
Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan  
Inovasi Negeri Selangor

## YES: Youth Enhancement Strategy Selangor

(Program Peningkatan Kemahiran Belia Strategik Selangor)

**1 Program**  
Kursus Teknologi Pembuatan Plastik

**2 Syarat Kelayakan**

- Warganegara Malaysia tidak melebihi umur 24 tahun
- Lulusan SPM (minimum lulus 3 mata pelajaran)

**3 Persijilan**

- Certificate II in Engineering dari Box Hill TAFE, Australia

**4 Tempoh Latihan**

- Program selama 6 bulan ini merangkumi:
- 3 Bulan latihan formal (Kelas & Makmal)
- 3 Bulan latihan sambil kerja (OJT)

**Kursus Untuk Lulusan SPM!**

### Nilai Tambah

- Yuran pengajian **dibiayai sepenuhnya** oleh Kerajaan Selangor
- **Peluang pekerjaan** di Industri yang terpilih
- Elaun sara hidup **RM300/bulan** (dibiayai Kerajaan Selangor)
- Elaun tambahan semasa OJT ditaja oleh syarikat.

Anjuran: **selangor**  
Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor

Dengan Kerjasama:  
Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi En Misnin / Pn Farah

Selangor Human Resource Development Centre  
No.1, Ground Floor, Block 2, Pusat Perniagaan Worldwide (Worldwide Business Park)  
Jalan Tinju 13/50, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
tel. +603 5513 3560 fax. +603 5513 3490 email. info@shrdc.org.my www.shrdc.org.my



# RM1.5 juta bantu pesakit buah pinggang

OLEH NORHAYATI UMOR

**PETALING JAYA** - Sekurang-kurangnya 20 pusat dialisis swasta dilantik Kerajaan Negeri sebagai Panel Dialisis Sihat Selangor bertujuan membantu pesakit buah pinggang yang tidak berkemampuan mendapatkan rawatan secara berkala.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Keluarga dan Wanita, Dr Daroyah Alwi, berkata proses pemilihan dibuat Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Selangor bagi memastikan pusat terpilih mematuhi semua syarat dan piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) meluluskan kerjasama strategik dengan pusat dialisis swasta, pada Mac lalu.

"Strategi pelaksanaan ini dilihat lebih berkesan, mudah dan berimpak tinggi berbanding mewujudkan serta menguruskan pusat dialisis sendiri," katanya selepas Majlis Pelancaran Panel Dialisis Sihat Selangor yang turut dihadiri Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Mohd Azizi Mohd Zain, di Renel-



team Dialisis Center, di sini, pada 1 Oktober lalu.

Daroyah berkata, sebelum ini Kerajaan Negeri melaksanakan Pusat Dialisis Rakyat (PDR) yang beroperasi di bawah sebuah entiti iaitu Gedung Penawar Sdn Bhd.

Katanya, PDR sedia ada hanya

mempunyai 36 mesin dan mampu memberi rawatan kepada 112 pesakit, pada tahun 2014.

"Pada tahun 2014, terdapat 149 pusat dialisis swasta yang menjalankan operasinya di negeri ini. Daripada jumlah itu, 105 mempunyai lesen yang sah dari KKM," katanya.



## Kes meningkat 12%

# Serius tangani keganasan wanita

**SHAH ALAM** - Pusat Wanita Berdaya (PWB) sentiasa mengambil serius isu keganasan terhadap wanita apabila statistik polis memperlihatkan 4,807 kes membabitkan rumah tangga berlaku, pada 2014.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata PWB mengatur program taklimat keselamatan dan pembelaan wanita dengan kerjasama pelbagai agensi.

"Amat membimbangkan apabila statistik kes keganasan ke atas wanita meningkat kepada 12 peratus dalam tempoh empat

bulan pertama tahun ini.

"PWB tampil dengan pelbagai program bertujuan meningkatkan lagi kesedaran semua pihak untuk lebih bertanggungjawab menangani masalah itu," katanya.

Sebelum ini, PWB DUN Morib menganjurkan program taklimat keselamatan dan pembelaan wanita, pada 23 September lalu.

Melalui program itu, peserta didedahkan maklumat untuk mendapatkan bantuan polis, hospital, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Biro Sokongan Keluarga dan Bantuan Guaman Selangor.



## 20 panel dialisis setahun

**PETALING JAYA** - Lebih banyak pusat dialisis swasta akan dilantik sebagai Panel Dialisis Sihat Selangor dengan sasaran 20 pusat setiap tahun, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Keluarga dan Wanita, Dr Daroyah Alwi.

Beliau berkata, ketetapan itu diambil bagi membantu lebih ramai pesakit buah pinggang yang tidak berkemampuan menerima rawatan.

"Penghidap penyakit ini perlu menjalani rawatan dialisis tiga kali seminggu atau 12 hingga 13 kali sebulan juga bergantung pada tahap kronik pesakit. Rancangan kebajikan ini dirancang bagi mengurangkan kos rawatan dan beban pesakit," katanya

selepas Majlis Pelancaran Panel Dialisis Sihat Selangor di Renelteam Dialisis Center, di sini, pada 1 Oktober lalu.

Statistik 2014 yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 17,781 pesakit menghidap penyakit buah pinggang di negeri ini.

Dr Daroyah berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan subsidi dialisis dan rawatan lain kepada pesakit buah pinggang sehingga RM5,000 setahun yang boleh dibuat melalui Skim Bantuan Sihat Selangor.

"Bantuan ini diperkenalkan sejak 2009. Pesakit juga boleh memohon bantuan pembedahan kecil, katarak mata dan kaki palsu," katanya.



## Advokasi buka mata masyarakat bela Islam Uyghur

**GOMBAK** - Advokasi untuk membuka mata masyarakat dunia terhadap penindasan umat Islam Uyghur di Xinjiang, China masih diteruskan sehingga kini.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Mohammad Raimi Ab Rahim, berkata organisasi itu terus komited mengemukakan bantahan walaupun isu berkenaan dianggap sensitif.

Katanya, ABIM sebagai badan prihatin terhadap masyarakat tertindas menggunakan segala medium untuk membantu mereka yang memerlukan.

"Isu masyarakat Islam Uyghur ini semakin berkurangan, namun usaha advokasi (penerangan) dalam kalangan masyarakat tetap diteruskan walaupun ia agak sensitif kerana membabitkan hubungan diplomatik.

"Tetapi, sekali lagi saya tekankan bahawa itu bukan alasan untuk kita tidak membantu mereka atas atas dasar kemanusiaan," katanya.

ABIM dengan kerjasama Global Peace Mission Malaysia (GPM)

**ABIM dengan kerjasama Global Peace Mission Malaysia (GPM) melancarkan Tabung Prihatin bagi membantu etnik Uyghur termasuk di seluruh dunia.**

melancarkan Tabung Prihatin bagi membantu etnik Uyghur termasuk di seluruh dunia.

Etnik Uyghur tidak dibenarkan mengamalkan ajaran Islam antaranya kakitangan kerajaan dan kanak-kanak di bawah 18 tahun dilarang hadir ke masjid untuk mendirikan solat jemaah, larangan memakai tudung serta menyimpan janggut.

Selain itu, mereka turut dilarang berpuasa sebagai justifikasi memelihara kesihatan dan produktiviti kerja.

# Subuh MBI lahir pemimpin muda cemerlang

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Generasi muda dengan semangat kepimpinan cemerlang bakal dilahirkan melalui Program Perjuangan Subuh anjuran Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI).

Program dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) itu dijadualkan bermula akhir bulan ini dengan mensasarkan 600 penyertaan setiap daerah.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MBI, Mohd Jaafarudin Md Ali, berkata program itu menitikberatkan pembentukan disiplin tinggi dalam kalangan peserta seperti ketokohan dan keperibadian terpuji bekas pemimpin Islambol, Sultan Muhammad Al Fatih.

"Kita mahu melahirkan peserta muda dengan semangat juang



**“Solat subuh berjemaah paling mencabar dilaksanakan umat Islam. Program ini mewajibkannya supaya menjadi rutin dalam kehidupan peserta**

**MOHD JAAFARUDIN**  
Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MBI

tinggi dan perwatakan hebat daripada segi keagamaan dan akademik demi membela agama, bangsa juga negeri serta negara.

"Solat subuh berjemaah paling mencabar dilaksanakan umat Islam. Program ini mewajibkannya supaya menjadi rutin dalam kehidupan peserta," katanya ke-

pada Selangor Kini, di sini, pada 5 Oktober lalu.

Beliau berkata, peserta ditempatkan di masjid terpilih setiap daerah kendalian tenaga pengajar yang pakar dalam bidang masing-masing dengan aturcara ditetapkan dalam tempoh tiga hari iaitu setiap Jumaat ke Ahad.

## Rumah Ngaji@Maghfirah mohon sumbangan pusat pengajian

**SHAH ALAM** - Sumbangan orang ramai diperlukan bagi menubuhkan Rumah Ngaji atau Rumah Maghfirah sebagai landasan masyarakat setempat mempelajari al-Quran secara percuma.

Binaan rumah yang kini tinggal lebih kurang 30 peratus memerlukan dana RM150,000 selepas terbelakal disebabkan faktor kewangan.

Antara butiran pembinaan yang diperlukan adalah pendawaian dan pemasangan lampu juga kipas, penyediaan bilik air, penyambungan paip, pemasangan pagar, pintu juga tingkap, mengecat, pemasangan permaidani dan rak.

Rumah yang dibina pada 2010 itu adalah tambahan kepada kediaman sedia ada untuk dijadikan tempat pengajian al-Quran, pendidikan kanak-kanak dan dewasa serta kawasan bermalam musafir juga aktiviti usrah.

Pembinaan rumah itu sudah menelan belanja lebih RM350,000 dan ia bertempat di Kampung Bendahara, Batu Caves.

Rumah itu mampu menerima

**Rumah yang dibina pada 2010 itu adalah tambahan kepada kediaman sedia ada untuk dijadikan tempat pengajian al-Quran, pendidikan kanak-kanak dan dewasa serta kawasan bermalam musafir juga aktiviti usrah**

seramai 120 pelajar dan sehingga kini 50 pelajar sudah menyertai kelas berkenaan yang diadakan setiap Isnin hingga Jumaat.

Hasrat mendapatkan dana pembangunan rumah itu menda-



pat sokongan Exco Agama Islam, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi melalui sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan anak syarikat Kerajaan Selangor (GLC).

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh memasukkan sumbangan dana ke akaun Maybank (162151711707) atau hubungi pemilik rumah itu, Ma' Amor Kamaruddin di talian 019-253 5794.



**#KitakanIslam**  
BUAT KERANA ALLAH

Sumbangan untuk:  
Rumah Ngaji@Rumah Maghfirah  
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794  
No Akaun: 1621 5171 1707 (Maybank)

RUMAH  
**ngaji**



# Naturalisasi pemain perkuat Harimau Malaya

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Cadangan naturalisasi dilakukan selepas melihat perkembangan bola sepak negara masih belum berubah sejak sekian lama, kata Editor Sukan, Rizal Hashim.

Beliau berkata, ekosistem liga Malaysia masih belum cukup mantap dalam membangunkan pemain berkualiti yang memaksanya menyetengahkan kembali cadangan jangka pendek yang pernah dilontarkan pada 2006.

"Sekarang, mungkin orang lihat Ultras Malaysia sebagai kumpulan pendesak. Dahulu, media bertindak sebagai kumpulan pendesak.

"Selepas melihat pasukan bola sepak untuk beberapa tahun, kita sebenarnya masih berada di takuk sama. Apakah kita harus berpuas

hati melihat ekosistem, melahirkan pemain dan keputusan sama? Sampai bila kita mahu melihat situasi itu berterusan?

"Sebab itu, dicadangkan naturalisasi pemain dan pernah dibincangkan di Parlimen tetapi kebanyakannya menolak termasuk penolakan daripada Presiden FAM.

"Jika kita tak beri peluang kepada idea lain untuk memperkasakan pasukan untuk jangka masa pendek, maka terpaksa berpuas hati dengan keputusan yang ada sekarang," katanya pada forum 'Hala Tuju Bola Sepak Malaysia: Apa Kata Mereka?' di Dewan Melati Seksyen 7, di sini, baru-baru ini.

Katanya, Malaysia berpeluang melakukan tindakan itu ketika pemain import Negeri Sembilan, Christian Bekamenga Bekamengo belum

menyarung jersi skuad kebangsaan Cameroon.

Namun, Bekamenga mengambil keputusan mewakili pasukan kebangsaan negaranya dan beraksi di Sukan Olimpik 2006.

Rizal berkata, bakat muda berusia tujuh hingga 19 tahun penting untuk dibangunkan dan pelan pembangunan bola sepak (NFD) adalah cadangan baik untuk diketengahkan.

"Peringkat ini penting kerana mereka melalui transisi daripada junior kepada senior tetapi kita akan serahkan produk NFD kepada persatuan negeri. Kita tahu selama ini persatuan negeri tidak menghasilkan pemain berkaliber mewakili pasukan kebangsaan.

"Kita tengok produk negeri bergantung kepada sekolah bukan produk kelab (bola sepak)," katanya.

## Akademik Selangor Elite Junior lahir bakat baharu

**SHAH ALAM** - Akademik Selangor Elite Junior berharap mampu melahirkan bakat baharu berpotensi bagi mengangkat mutu bola sepak di negeri itu.

Presiden Akademik Selangor Elite Junior, Shahril Arsat, berkata kewujudan akademik itu sebagai langkah awal pemain mendapat pendedahan terhadap permainan bola sepak.

"Ia terbuka kepada semua yang berminat. Ketika ini kumpulan pemain terbahagi kepada empat kategori iaitu lapan, 10, 12 dan 14 tahun.

"Latihan dikendalikan tenaga jurulatih yang akan membentuk dan mengembangkan bakat pemain," katanya kepada Selangor Kini, pada 6 Oktober lalu.

Shahril berharap akademik yang bermula April lalu hasil kerjasama beberapa bekas pemain negeri yang menganggotai skuad Selangor Elite mampu melakukan terbaik bagi menyetengahkan bakat baharu dalam bola sepak tempatan.

"Kerjasama semua pihak diharap mampu membuahakan kejayaan seperti diingini. Kita akan berusaha ke arah kejayaan demi kebaikan bola sepak negeri khususnya," katanya.



Shahril Arsat

## Himpun bekas pemain kebangsaan

### Piala Dato' Menteri Besar punya kekuatan sendiri

**KAJANG** - Perlawanan bola sepak Piala Dato' Menteri Besar antara Ex-Selangor dan Ex-Sabah di Stadium Kajang, di sini, pada 3 Oktober lalu menyaksikan kehadiran rakyat yang memberi sokongan atas usaha itu.

Bola sepak sebagai sukan nom-

bor satu negara ternyata mempunyai kekuatan tersendiri bagi menghimpun orang ramai tanpa mengira bangsa dan lapisan usia.

Perlawanan diadakan juga berseesuaian dengan hasrat Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail,

yang mahu menggalakkan orang ramai khususnya golongan muda berge-rak aktif dalam sukan.

Sebelum perlawanan, Wan Azizah melancarkan program Akademik Selangor Elite Junior untuk DUN terbabit dan disertai penaungnya, Tengku Salehuddin Ismail Shah Tengku Sulaiman Shah dan turut dihadiri Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat.

Perlawanan bola sepak bagi merebut piala pemimpin utama negeri itu dimenangi Ex-Selangor dengan keputusan 4-2 yang menampilkan aksi menarik bekas pemain seperti Dollah Salleh dan Zainal Abidin Hassan (Selangor) serta Matlan Marjan juga Yap Wai Loon (Sabah).

Ketua pasukan Ex-Selangor/Selangor Elite, Shahril Arsat, berkata usaha dimainkan pelbagai pihak bagi menjayakan perlawanan itu patut dihargai kerana berjaya menghimpunkan ramai bekas pemain yang pernah beraksi di era sama dan mengeratkan hubungan silaturrahim.

"Semoga perlawanan ini boleh diadakan lagi dan mungkin menjadi acara tahunan. Jika ada sokongan daripada pelbagai pihak tidak mustahil boleh dijayakan," katanya.



WAKTU SOLAT SELANGOR							
9 - 16 OKTOBER 2015							
25 ZULHIJAH 1436H -							
3 MUHARAM 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
09 Jumaat	5:33	5:43	7:00	1:03	4:17	7:04	8:13
10 Sabtu	5:33	5:43	6:59	1:03	4:17	7:04	8:13
11 Ahad	5:33	5:43	6:59	1:03	4:17	7:03	8:13
12 Isnin	5:33	5:43	6:59	1:03	4:17	7:03	8:12
13 Selasa	5:33	5:43	6:59	1:02	4:18	7:03	8:12
14 Rabu	5:32	5:42	6:59	1:02	4:18	7:02	8:12
15 Khamis	5:32	5:42	6:59	1:02	4:18	7:02	8:12
16 Jumaat	5:32	5:42	6:59	1:02	4:18	7:02	8:11
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
09 Jumaat	5:35	5:45	7:02	1:05	4:19	7:06	8:15
10 Sabtu	5:35	5:45	7:01	1:05	4:19	7:06	8:15
11 Ahad	5:35	5:45	7:01	1:05	4:19	7:05	8:15
12 Isnin	5:35	5:45	7:01	1:05	4:19	7:05	8:14
13 Selasa	5:35	5:45	7:01	1:04	4:20	7:05	8:14
14 Rabu	5:34	5:44	7:01	1:04	4:20	7:04	8:14
15 Khamis	5:34	5:44	7:01	1:04	4:20	7:04	8:13
16 Jumaat	5:34	5:44	7:01	1:04	4:20	7:04	8:13





Sumber Facebook Exco Sukan, Amirudin Shari

**MANTAP...** Litar BMX baru di Wira Damai Batu Caves dijangka mampu merancakkan lagi industri sukan basikal lasak di Selangor. Kos yang menelan belanja RM100,000 itu dilengkapi dengan kemudahan serba lengkap bagi keselesaan pengguna litar terbabit.

Elak bakar suar berulang

# Tingkat langkah keselamatan

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Beberapa langkah keselamatan bakal diperkenalkan Kerajaan Negeri bagi membendung pembakaran suar ketika aksi perlawanan bola sepak.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan & Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata keputusan Gabungan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) mendenda Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) menunjukkan gejala membakar suar perlu dibendung dengan kerjasama semua pihak.

"Sebelum ini, memang selalu FAS kena dengan FAM tetapi kali ini mereka pula kena dengan FIFA. Ini bermakna ia memang masalah tetapi Kerajaan Negeri dah ambil beberapa langkah termasuk pasang litar kamera tertutup (CCTV)," katanya, di



sini, pada 6 Oktober lalu.

Beliau juga yakin insiden pembakaran suar tidak menggambarkan pasukan kebangsaan sudah hilang sokongan secara keseluruhan.

"Perkara ini kita kena perhatikan bersama dan boleh diubah," katanya.

Penonton bertindak membakar suar di minit akhir perlawanan bagi menyatakan ketidakpuasan hati terhadap FAM ketika

perlawanan pra Piala Dunia dan Piala Asia membabitkan perlawanan antara Harimau Malaya menentang Arab Saudi di Stadium Shah Alam, pada September lalu.

Gara-gara insiden itu, FAM yang sebelumnya kerap mendenda persatuan bola sepak negeri didenda FIFA RM180,000, bermain di stadium tanpa penonton dan kemenangan percuma 3-0 kepada Arab Saudi.

Menang 1-0 di Kelantan

# Red Giants tamatkan badi 13 tahun

**SHAH ALAM** - Red Giants akhirnya berjaya menjinakkan pasukan The Red Warriors (TRW) dengan 1-0 dalam aksi kumpulan Piala Malaysia pada 2 Oktober lalu selepas 13 tahun terkena badi tidak pernah menang di Kelantan.

Bertempat di Stadium Sultan Muhammad IV, Kelantan, gawang Selangor terlebih dahulu diuji seawal minit kelapan menerusi percubaan Wan Zaharulnizam Wan Zakaria menerusi sepakan penjuru kaptennya, Mohd Badhri Radzi namun tersasar.

Selangor sekali lagi cemas pada minit ke-17 apabila pemain Kelantan, Mohd Noor Hazrul Mustafa membuat hantaran menarik namun rakannya, Ahmad Fakri Saarani sekadar menampar lemah terus ke dakapan penjaga gol Selangor, Norazlan Razali.

Bagaimanapun, seminit kemudian, hampir 3,000 penyokong Kelantan tergamam apabila Red Giants meraikan jaringan tunggal menerusi gol sendiri bek kiri tuan rumah, Mohd Noor Hazrul Mustafa.

Dalam usaha menyekat hantaran silang Muhammad Nazmi

Faiz Mansor, pemain itu tersilap langkah apabila tertampar masuk bola ke gawang sendiri.

Ternyata, gol pembukaan itu memberikan semangat kepada skuad kendalian Mehmet Durakovic dengan Andik Vermansyah, Mohd Raimi Md Nor dan Muhammad Nazmi Faiz sering bertukar hantaran, sekali gus mencetuskan huru-hara di benteng pertahanan Kelantan.

Sepuluh masa pertama menyaksikan beberapa peluang dilepaskan Selangor, namun pada masa sama menampilkan benteng pertahanan kemas menyekat cubaan TRW menyamakan kedudukan.

Memasuki babak kedua, Kelantan terus mengatur serangan lebih agresif menerusi beberapa percubaan berbahaya tetapi nyata tuah tidak menyebelahi anak buah Zahasmi Ismail itu.

Tambahan masa lima minit juga nyata sia-sia buat Kelantan apabila peluang terakhir menerusi Ahmad Fakri sekadar melewati palang, sekali gus membolehkan Selangor membawa pulang tiga mata berharga.

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985